


Jilid I  
Bil. 16



Hari Jumaat  
4hb Januari, 1991

**MALAYSIA**

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

**PARLIAMENTARY DEBATES**

**DEWAN RAKYAT**

*House of Representatives*

**PARLIMEN KELAPAN**

*Eighth Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**

*First Session*

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
[Ruangan 2233]**

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN  
MESYUARAT 18:**

**Penangkapan Dr Maximus Ongkili—Y.B. Datuk Bernard Giluk Dompok  
(Penampang) [Ruangan 2271]**

**RANG UNDANG-UNDANG :**

**Rang Undang-undang Perbekalan 1991 [Ruangan 2275]**

**USUL:**

**Anggaran Pembangunan 1991 [Ruangan 2275]**

MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG PERTAMA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,  
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR  
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,  
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.UN.M., P.I.S.  
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar,  
TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P.,  
D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU,  
S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,  
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH  
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'  
DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K.,  
D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

„ Menteri Pendidikan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P.  
(Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S.,  
D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN, D.H.M.S., S.S.A.P.  
(Merbok).

„ Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL  
RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P.,  
P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,  
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).
- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, TUAN SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, A.M.N. (Kota Tinggi).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOHAMED FARID BIN ARIFFIN (Balik Pulau).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).

- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T. J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.I.S. (Mersing).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).
- „ DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kota Samarahan).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).
- „ DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).

Yang Berhormat DATUK AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).

- „ TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNIYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- „ TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).
- „ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- „ TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN PATEH MOHAMMAD (Tanah Merah).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- „ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jejebu).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- „ DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS (Rompin).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).
- „ TUAN QAMARUZAMAN BIN HAJI ISMAIL (Bagan Serai).
- „ TUAN KANG CHOW OH (Kluang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).
- „ DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).

Yang Berhormat DATO' K. KUMARAN (Tapah).

- „ TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
- „ DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambangan).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bharu).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATUK MONGGOH OROW P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.St.J. (Limbawang).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).

Yang Berhormat DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

- „ DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).
- „ TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- „ PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN AHMAD (Parit Sulong).
- „ Y.B.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).
- „ DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- „ TUAN HAJI SHUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanang).
- „ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
- „ WAN MAT HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ WAN OMAR BIN WAN NAJIB (Pasir Puteh).
- „ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN WONG WING ON (Kampar).
- „ TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- „ DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- „ TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- „ TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- „ TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- „ TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.,  
J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Abdul Rahim bin Abdul.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Haji Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

### *Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

Jumaat, 4hb Januari, 1991

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang*

## D O A

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**BATU CAVES SATU TARIKAN  
PELANCONGAN**

1. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan adakah beliau sedar kawasan persekitaran Batu Caves mempunyai beberapa keistimewaan yang boleh digunakan untuk menarik pelancong-pelancong dari luar negara. Apakah tindakan yang sedang diambil oleh pihak Kementerian untuk membangunkan kovil dan "caves" yang berada di situ. Dengan nilai pelancongan yang diberi oleh "Batu Caves" apakah sebabnya satu subsidi tahunan untuk menjayakan skim tersebut tidak boleh diberi kepada Batu Caves.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato' Abdul Raman bin Suliman):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian memang sedar bahawa Batu Caves merupakan satu tarikan pelancongan yang terkenal di Malaysia, dan telahpun mempunyai rancangan untuk mengindahkan kawasan persekitarannya. Walau bagaimanapun didapati bahawa pentadbiran dan jagaan kawasan Kuil Batu Caves adalah terletak di bawah tanggungjawab Jawatankuasa

Kuil Sri Maha Mariamman. Oleh yang demikian, Kementerian tidak menjalankan kerja-kerja pembangunan di dalam kawasan Kuil tersebut.

Suka saya memaklumkan di sini bahawa Kerajaan, pada bulan Ogos 1989 telahpun meluluskan geran sebanyak \$200,000 kepada pihak berkenaan untuk menjalankan kerja-kerja pengindahan di Batu Caves. Adalah diharap pihak Jawatankuasa Kuil dapat menjalankan kerja-kerja pengindahan kawasan berkenaan dengan sempurna.

**Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam tahun ini yang telah diisytiharkan sebagai Tahun Tarikan Pelancong "Visit Malaysia Naturally", dengan izin, adakah Kerajaan bercadang untuk memajukan selain daripada gua-gua yang telah dimajukan sebagai tempat ibadat ataupun kuil dan tokong sebagaimana Batu Caves ataupun dua buah gua lain di Ipoh? Adakah Kerajaan bercadang untuk memajukan gua-gua yang natural yang tidak dieksploitkan sebagai tempat-tempat ibadat, sebagai contohnya Gua Tempurung yang baru ditemui di Kuala Dipang, Perak yang menurut khabarnya lebih besar lagi daripada Gua Mulu, di Sarawak? Adakah Kerajaan bercadang untuk mengeluarkan peruntukan bagi memajukan gua-gua ini untuk tarikan pelancong sebagaimana Barbados memajukan Harrison Caves di negerinya?

**Dato' Abdul Raman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, memanglah benar bahawa lanjutan daripada Tahun

Melawat Malaysia pada tahun 1991 ini kita memberi tumpuan kepada alam semula jadi. Jadi memang benar seperti kata Yang Berhormat tadi iaitu gua-gua memainkan peranan yang penting dalam tarikan pelancongan.

Bagi rancangan kita pada tahun ini dan tahun-tahun yang akan datang dan adalah menjadi harapan Kerajaan supaya tempat-tempat semula jadi ini seperti gua-gua yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat Gua Tempurung dan Gua Niah, Gula Mulu di Sarawak yang mana menjadi product pelancongan kita. Bagi tujuan membangunkan tempat-tempat ini sudah tentulah semua pihak perlu memainkan peranan, dan di sini saya ingin memaklumkan bahawa Kerajaan-kerajaan Negeri memang memberi perhatian kepada pembangunan tempat-tempat tersebut bukan pembangunan dari segi merosakannya, tetapi pembangunan dari segi mengekalkan alam semula jadi dan dapat diperkenalkan kepada pelancong-pelancong. Walaupun soalan itu berlainan sedikit di mana tarikan Batu Caves ini bukanlah hanya semula jadi, tetapi ada unsur-unsur kepercayaan kepada gua tersebut. Jadi pembangunan yang disoalkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi adalah berlainan sedikit.

#### **DIETITIAN DI HOSPITAL- HOSPITAL BESAR**

**2. Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman** minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah semua hospital-hospital di negara ini mempunyai pakar-pakar pemakanan atau 'nutritionist' yang berada di samping doktor untuk menasihati pesakit-pesakit berhubung dengan makanan mereka dan pantang larang yang perlu semasa mereka ini berada di hospital.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Ong Ka Ting):** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini semua hospital besar mempunyai

sekurang-kurangnya seorang dietitian atau Penyelia Jenis Makanan yang bertugas untuk menjaga mutu perkhidmatan makanan pesakit. Di samping itu, mereka juga memberi nasihat pemakanan (diet counselling), dengan izin serta menyediakan 'feeding program' yang khas untuk pesakit-pesakit.

**Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana yang disarankan oleh Setiausaha Parlimen tadi hanya Hospital-hospital Besar sahaja yang memperolehi pakar pemakanan. Saya berpendapat Hospital Desa juga yang mana lebih perlu lagi pakar pemakanan, apakah pandangan Kementerian dalam hal ini?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, memang benar pada masa kini Kementerian sedang menghadapi kekurangan kakitangan termasuk kakitangan pakar pemakanan ini.

Pada masa kini selain daripada Hospital-hospital Besar yang telah saya sebutkan tadi, beberapa Hospital Daerah sudahpun mempunyai pakar pemakanan. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian sedang berusaha bersama-sama dengan SPA untuk mengisi lebih jawatan kosong.

**Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin:** Soalan saya bukanlah mengenai hospital daerah tetapi hospital desa.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya tadi termasuk semua pusat-pusat yang memerlukan jawatan ini dan jika perlu kita akan cuba mengisikan jawatan kosong ini.

#### **KOMODITI UTAMA MALAYSIA— KESAN DARI KRISIS TELUK**

**3. Tuan Ahmad bin Omar** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah perubahan yang berlaku ke atas keperluan komoditi Malaysia bagi

eksport berikutan dengan Krisis Teluk yang berlarutan dan apakah langkah-langkah ke arah menjamin kestabilan pengeluaran dan harga dalam menghadapi kesan krisis ini.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor):** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Krisis Teluk yang berlarutan semenjak 2hb Ogos, 1990 tidak banyak menjejaskan keperluan terhadap komoditi utama Malaysia pada keseluruhannya walaupun Malaysia tidak dapat lagi mengeksport komoditi-komoditinya ke Iraq dan Kuwait ketika ini. Berasaskan perangkaan sehingga hujung September, 1990 didapati bahawa eksport komoditi Malaysia pada keseluruhannya telah meningkat jika dibandingkan dengan jangka masa yang sama pada tahun lepas. Ini ialah kerana kehilangan eksport kepada kedua-dua negara ini telah dapat diatasi dengan peningkatan eksport ke pasaran yang lain. Misalnya, eksport minyak kelapa sawit ke pasaran-pasaran China, India dan Pakistan telah meningkat dan begitu juga bagi eksport kayu lapis ke Republik Korea, Jepun dan Hong Kong.

Jumlah eksport minyak kelapa sawit yang diproses bagi tempoh Januari, 1990 hingga September, 1990 telah meningkat daripada 3.1 juta tan kepada 3.5 juta tan jika dibandingkan dengan tempoh yang sama pada tahun 1989. Bagi getah pula, jumlah eksport masih kekal di paras 1 juta tan kepada tempoh masa yang sama. Pada keseluruhannya, pendapatan eksport daripada barangan utama dan produk-produk berasaskan barangan utama bagi tahun 1990 dianggarkan berjumlah \$21.2 ribu juta berbanding dengan rekod sebanyak \$22.21 ribu juta pada tahun 1989 yang merupakan paras tertinggi yang pernah dicapai.

Walaupun Krisis Teluk tidak kelihatan membawa kesan yang buruk terhadap eksport komoditi setakat ini, Kerajaan sentiasa berwaspada terhadap pengeluaran dan harga komoditi dan

akan terus meningkatkan aktiviti penyelidikan dan promosi di pasaran-pasaran baru dan juga ke pasaran-pasaran yang sedia ada selain dari Asia Barat. Di samping itu, Kerajaan menggalakkan pemerosesan lanjut komoditi kepada lebih banyak jenis barangan bernilai tokok. Untuk memastikan bahawa Krisis Teluk tidak akan membawa kesan buruk ke atas ekonomi negara, sebuah jawatankuasa di bawah Kementerian Perusahaan Utama telah ditubuhkan sebaik sahaja krisis tersebut berlaku bagi mengawasi eksport komoditi Malaysia ke negara-negara Teluk.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit.

**Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya membuat pembetulan sebelum saya mengemukakan soalnya. Perkataan "Bumiputera" digantikan dengan "Baru."

Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ke 4.

#### TABUNG PEMULIHAN USAHAWAN—SYARAT PINJAMAN

4. Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan bercadang untuk melonggarkan syarat pinjaman Tabung Pemulihan Usahawan (TPU) dan Tabung Usahawan Baru (TUB);
- (b) berapa jumlah pinjaman yang telah diluluskan di bawah skim ini dan berapa penerimanya; dan
- (c) adakah Kerajaan bercadang untuk menambah peruntukan pinjaman Tabung Pemulihan Usahawan (TPU) dan Tabung Usahawan Baru (TUB).

7-1-91

**16. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang** minta Menteri Kewangan menyatakan perkara-perkara berikut mengenai Tabung Pemulihan Usahawan (TPU):

- (a) berapa banyakkah peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan bagi skim ini;
- (b) berapa ramaikah usahawan bumiputera yang telah menerima faedah skim ini serta nyatakan bentuk bantuan yang diberikan kepada mereka; dan
- (c) nyatakan syarat-syarat yang melayakkan seseorang usahawan itu mendapat kemudahan-kemudahan di bawah skim ini.

28-1-91

**6. Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak** minta Menteri Kewangan menyatakan siapakah yang telah menerima pinjaman dari Tabung Usahawan sehingga kini dan berapa jumlah bagi setiap peminjam itu.

31-1-91

**2. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim** minta Menteri Kewangan menyatakan sejauh manakah kejayaan yang telah dicapai dalam membantu usahawan-usahawan bumiputera membaik pulih projek-projek yang terbengkalai di bawah "Skim Tabung Pemulihan Usahawan (TPU)." Jika sekiranya pencapaian itu ditahap yang tidak begitu memantapkan proses pemulihan tersebut.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman):** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pertanyaan berkaitan dengan perkara yang sama telah juga dibangkitkan oleh 3 Ahli Yang Berhormat yang lain iaitu Ahli Yang Berhormat dari Marang yang dijadualkan dijawab pada 7hb Januari, 1991, Ahli Yang Berhormat dari Kota

Bharu yang dijadualkan dijawab pada 28hb Januari, 1991 dan Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam yang dijadualkan dijawab pada 31hb Januari, 1991, saya mohon untuk menjawab pertanyaan-pertanyaan itu serentak pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk melonggarkan syarat-syarat pinjaman bagi Tabung Pemulihan Usahawan dan Tabung Usahawan Baru kerana syarat-syarat yang sedia ada sekarang adalah munasabah dan sesuai dengan matlamat penubuhan tabung-tabung tersebut.

Bagi Tabung Pemulihan Usahawan, syarat-syarat utamanya adalah seperti berikut:

- (i) 100% milik bumiputera;
- (ii) masih beroperasi dan mempunyai projek di tangan;
- (iii) berdaya maju dan mempunyai potensi untuk dipulihkan;
- (iv) masalah yang dihadapi berpunca daripada kemelesetan ekonomi dan bukan kerana salah pengurusan atau sebab-sebab lain; dan
- (v) menjadi ahli Dewan Perniagaan Usahawan Malaysia atau persatuan gabungannya.

Bagi Tabung Usahawan Baru pula, ia terbuka kepada semua usahawan bumiputera baru yang menceburkan diri dalam bidang perniagaan ataupun usahawan bumiputera yang ingin melaksanakan projek-projek baru. Keutamaan akan diberi kepada industri perkilangan, pertanian, pelancongan dan industri-industri yang berorientasikan eksport atau industri yang bersepadu dengan pengeluaran barangan eksport. Permohonan untuk projek yang sedia ada atau pengambilan alih projek yang sedia ada adalah tidak layak.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga 30hb November, 1990, jumlah pinjaman yang telah diluluskan di bawah Tabung

Pemulihan Usahawan adalah sebanyak \$458.49 juta yang melibatkan 455 pemohon. Ia diberi sama ada dalam bentuk pinjaman mudah atau dalam bentuk ekuiti. Bagi Tabung Usahawan Baru pula, pinjaman yang diluluskan sehingga tarikh ini adalah sebanyak \$21.1 juta yang melibatkan 148 pemohon.

Pemohon-pemohon yang telah diluluskan pinjaman daripada kedua-dua skim itu adalah terdiri daripada mereka yang mematuhi kriteria-kriteria yang telah ditetapkan. Jumlah pinjaman yang diluluskan kepada mereka adalah berbeza-beza tertakluk kepada keperluan bagi setiap pemohon.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah peruntukan bagi Tabung Pemulihan Usahawan adalah sebanyak \$500 juta manakala bagi Tabung Usahawan Baru adalah sebanyak \$250 juta. Buat masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk menambah peruntukan bagi kedua-dua tabung tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan utama penubuhan Tabung Pemulihan Usahawan ialah untuk membantu usahawan bumiputera yang menghadapi masalah kewangan disebabkan oleh kemelesetan ekonomi tidak berapa lama dahulu. Setakat ini pelaksanaan tabung itu adalah menggalakkan dan berjalan lancar. Sejak dilancarkan dalam bulan Julai, 1988 hingga akhir bulan November, 1990 sebanyak 1,423 atau 96.7% daripada jumlah 1,471 permohonan yang diterima oleh pihak Urusetia tahun ini telah dibincangkan dan kedudukannya adalah seperti berikut:

455 permohonan diluluskan bantuan kewangan;

227 permohonan diselesaikan oleh institusi-institusi kewangan tanpa bantuan daripada tabung berkenaan;

491 permohonan ditolak kerana tidak memenuhi syarat;

250 permohonan ditangguh kerana kekurangan maklumat; dan

48 permohonan masih dalam peringkat kajian;

Pada keseluruhannya, mereka yang telah diluluskan bantuan kewangan daripada Tabung itu didapati telah berjaya meneruskan semula aktiviti perniagaan mereka dan dalam jangka panjang mereka diharapkan dapat bergerak dengan kukuh dan maju bagi memberi sumbangan yang berfaedah ke atas kegiatan ekonomi negara.

Bagi Tabung Usahawan Baru pula, prestasi pelaksanaannya setakat ini agak perlahan kerana sejak dilancarkan kira-kira setahun yang lalu, hanya \$21.2 juta telah diluluskan yang melibatkan 148 permohonan. Ini mungkin disebabkan oleh pelaksanaan Tabung ini masih baru dan pihak-pihak berkenaan masih dalam peringkat perancangan untuk memulakan projek-projek baru mereka. Melalui masa, Tabung ini diharapkan dengan menarik lebih ramai usahawan bumiputera yang menceburkan diri dalam perniagaan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana tidak tidur seperti rakannya semalam, Dato Loke Yuen Yow.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, teruskan dengan soalan tambahan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini baguslah— not sleeping on your job. Very good.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Soalan?

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri mengapakah

syarat skim ini tidak dilonggarkan untuk membolehkan perniagaan di mana terdapat "joint-venture" di antara peniaga bumiputera dan bukan bumiputera untuk memohon pertolongan dari Tabung ini kerana ini adalah satu daripada usaha Kerajaan untuk meningkatkan usahasama di antara peniaga bumiputera dan bukan bumiputera, dan kalau terdapat usahasama ini menghadapi masalah, mengapakah usahasama sebegini tidak dibenarkan memohon pinjaman dari Tabung tersebut? Ini soalan yang pertama.

Yang kedua, ada terdapat beberapa aduan bahawa pinjaman yang telah diberikan hanya diberikan kepada beberapa perniagaan besar sahaja dan bukan kepada perniagaan yang mempunyai modal kapital yang kecil. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan pecahan dari segi pinjaman yang diberikan dari segi modal kapital iaitu adakah benar bahawa pinjaman yang diberikan hanya kepada peniaga-peniaga besar sahaja dan saya rasa ini tidak akan mencapai tujuan untuk membantu peniaga-peniaga kecil tetapi hanya peniaga-peniaga besar yang saya rasa mempunyai hubungan dengan pemimpin-pemimpin tertinggi dalam Kerajaan.

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, matlamat Tabung ini adalah untuk menyelamatkan usahawan bumiputera yang terkandas di dalam perniagaan mereka semasa kemelesetan ekonomi negara yang bermula pada tahun 1985. Adalah benar bahawa kemelesetan ekonomi negara menjejaskan usahawan daripada berbagai-bagai sumber perniagaan daripada semua kaum. Walaupun begitu, Kerajaan bertanggungjawab melaksanakan dan menjayakan Dasar Ekonomi Baru. Maka di antara kewajiban khusus Kerajaan menghadapi kemelesetan ekonomi adalah untuk menyelamatkan usahawan bumiputera yang sudah mula mencebur diri pada awal tahun 70an.

Untuk selama 15 tahun selepas pelancaran Dasar Ekonomi Baru kumpulan ini terkandas kerana kemelesetan ekonomi dan bukan kerana salah pengurusan ataupun tidak mampu untuk melaksanakan perniagaan dengan baiknya. Oleh yang demikian, Kerajaan memikirkan bahawa adalah wajar sekali diwujudkan satu tabung khusus untuk menyelamatkan kumpulan usahawan bumiputera ini. Jika sekiranya ada kes-kes yang disebutkan seperti Ahli Yang Berhormat katakan tadi, kerjasama di antara bumiputera dan bukan bumiputera ianya tidak terangkum di dalam matlamat rancangan khas Kerajaan ini.

Keduanya, saya ingin menafikan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bahawa ianya tertumpu kepada kes-kes perniagaan yang besar sahaja. Bahkan ada kes-kes di mana pinjaman yang tidak lebih \$10,000 pun ada yang disampaikan kepada Tabung ini melalui Dewan Perniagaan Melayu Malaysia. Saya ingin menegaskan di sini bahawa prosesnya terbuka sungguh—proses menyampaikan kes-kes ini kepada pihak Tabung adalah terbuka sungguh. Caranya ialah pihak yang berkenaan, usahawan itu menyampaikan laporan mereka kepada Dewan Perniagaan Melayu Malaysia. Dewan Perniagaan Melayu Malaysia adalah satu pertubuhan yang amat terbuka sekali untuk menyelamatkan usahawan bumiputera. Selepas itu permohonan itu disalurkan kepada sekretariat Tabung untuk disampaikan kepada institusi-institusi yang bertanggungjawab dalam bidang-bidang tertentu. Selepas itu dibuka untuk penilaian oleh pasukan penilai, selepas itu disampaikan kepada pasukan khas atau panel khas untuk mempertimbangkan rayuan-rayuan.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa Tabung ini adalah membuat diskriminasi di antara perniagaan-perniagaan di kalangan bumiputera untuk diselamatkan. Tetapi sekiranya Ahli Yang

Berhormat dari Kota Melaka inginkan maklumat yang terperinci, saya akan sampaikan dalam bentuk tulisan.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang pertama, berhubung dengan Tabung Usahawan baru, tadi Yang Berhormat telah menyebut bahawa Kerajaan tidak bercadang untuk melonggarkan syarat-syarat. Sebenarnya, saya ingin bertanya apakah Kerajaan sedar bahawa kalau sekiranya syarat-syarat tidak dilonggarkan dan dianggap tabung pinjaman ini sebagai pinjaman biasa, mengikut syarat yang dikenakan oleh bank-bank maka saya ingat tidak perlu ada Tabung ini lagi. Sebab kalau kita hendak pinjaman biasa di bank, jika bank bagi syarat biasa, tidak perlukan tabung pun, bank boleh bagi pinjaman.

Jadi, soalnya sekarang apakah boleh Kerajaan melonggarkan syarat supaya tidak dikenakan syarat biasa sebagaimana yang dibuatkan oleh pihak bank dan adakah Kerajaan bercadang untuk menyalurkan pinjaman ini sebagaimana syarat yang dikenakan di dalam Tabung Pemulihan Usahawan melalui Dewan Perniagaan.

Kemudian berhubung dengan TPU, saya sebenarnya amat terkejut tetapi saya ucapkan tahniahlah kerana Kerajaan telah menyebut bahawa lebih daripada \$450 juta telah dikeluarkan sehingga kini iaitu jumlah yang begitu mendadak yang mana Kerajaan hanya mengumumkan lebih kurang \$100 juta dalam setahun yang lepas. Jadi, ini satu petanda yang baik tetapi bagi pihak Dewan Perniagaan Melayu, kami ingin bertanya berapakah sebenarnya yang telah dikeluarkan, bukan yang telah diluluskan.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Timbalan Menteri walaupun telah diluluskan tetapi di dalam keadaan tertentu ada kes-kes yang sampai dua tahun wang belum lagi boleh dikeluarkan dan syarikat yang kita dapati ada

berdaya maju akhirnya bankrap pula kali yang kedua. Jadi, saya ingin bertanya berapakah yang sebenarnya yang telah dikeluarkan dari segi kewangan sebab Yang Berhormat dari Kota Melaka dia tidak tahu—ahli Dewan Perniagaan Melayu boleh bercakap—dia cuma hendak pukul rata (*Disampuk*).

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, dalam Tabung Usahawan baru ada lima institusi kewangan yang terlibat di antaranya ialah tiga bank. Maka Tabung ini dikendalikan mengikut peraturan bank. Peruntukan istimewa yang ada ialah kadar yang dikenakan agak lebih baik daripada yang lain, tidak lebih 5%, ini kelebihan yang ada di dalam Tabung Usahawan baru ini. Yang lainnya adalah seperti Yang Berhormat dari Arau katakan ianya adalah mengikut peraturan bank. Jika sekiranya ada cadangan yang lebih baik lagi untuk mempertingkatkan pelaksanaan Tabung Usahawan baru ini pihak Kementerian sila menerima cadangan daripada pihak seperti Dewan Perniagaan Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai nilai yang saya sebutkan tadi adalah benar bahawa nilai yang disebut adalah nilai yang diluluskan. Saya ingin maklumkan kerana soalan tadi-soalan asal berdasar kepada yang diluluskan. Adalah benar bahawa ada permohonan-permohonan yang telah diluluskan masih lagi di dalam proses untuk dilaksanakan. Ada yang agak berlarutan di mana pihak usahawan masih lagi menunggu-nunggu tentang keputusan yang hendak dibuat oleh pihak bank-bank yang berkenaan. Pihak Kementerian sedar tentang perkara ini dan yang utama ialah untuk menyelamatkan usahawan tersebut dan kita hendak pastikan bahawa bank tidak mengutamakan kepentingan mereka sahaja dalam soal ini.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin maklumkan di sini pada kasarnya yang telah dikeluarkan adalah lebih kurang separuh daripada jumlah yang

saya sebutkan tadi. Jadi, ini adalah disebabkan kelambatan pihak-pihak tertentu khususnya bank untuk melaksanakan apa jua kelulusan yang telah dibuat oleh pihak Tabung tersebut.

#### JAMBATAN PULAU PINANG— PENSWASTAAN

5. **Tuan Lim Kit Siang** minta Perdana Menteri menyatakan kedudukan dan butir-butir mengenai penswastaan Jambatan Pulau Pinang yang bernilai \$1.25 bilion syarikat-syarikat yang telah menunjukkan minat; sama ada Unit Perancang Ekonomi telah menyempurnakan kajian kemungkinan ke atas perkara ini dan jika ya, hasil kajian ini; dan apakah peranan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam penswastaan Jambatan Pulau Pinang.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman):** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini belum ada keputusan muktamad dibuat mengenai penswastaan Jambatan Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, terdapat sebuah syarikat telah menunjukkan minat untuk membuat kajian bagi menswastakan Jambatan tersebut. Syarikat berkenaan adalah syarikat United Engineers Malaysia Berhad (*Disampuk*) yang telah membuat kajian kemungkinan dan telah mengemukakan cadangannya kepada Kerajaan.

Memandangkan syarikat berkenaan telah membuat kajian kemungkinan, Unit Perancang Ekonomi tidak meneruskan usahanya untuk membuat kajian ini. Laporan kajian United Engineers Malaysia itu sedang dibincang di peringkat pegawai.

Mengenai peranan Kerajaan Negeri Pulau Pinang wakilnya dijemput dalam perbincangan awal bagi mendapat pandangan mereka yang akan diambil-kira jika jambatan itu jadi diswastakan kemudian.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat memberitahu Dewan ini ciri-ciri utama dalam cadangan-cadangan UEM untuk menswastakan Jambatan Pulau Pinang?

Kedua, adakah cadangan atau tawaran ini dibuat dengan pengetahuan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan apa sebenarnya ada disebut dalam soalan saya peranan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam perkara ini dan sama ada Kerajaan Negeri Pulau Pinang pernah menunjukkan minat untuk meng-ambilalih Jambatan Pulau Pinang?

Akhirnya kenapa dalam perkara ini lagi kita dengar UEM ialah syarikat yang mahu menawar menswastakan Jambatan Pulau Pinang? Adakah satu hari UEM akan menswastakan Kerajaan Barisan Nasional? (*Ketawa*)

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kepada Yang Berhormat dari Tanjong. Itulah suara biasa beliau. Kalau kita dengar macam lain tentulah pelik agaknya.

Saya ucapkan ribuan terima kasih tentang pertanyaan apakah ciri-ciri utama. Sepertimana yang saya sebutkan tadi bahawa cadangan penswastaan ini datang daripada UEM, tiada syarikat-syarikat lain yang mengemukakan cadangan mereka hingga kini dan tentang apakah ciri-ciri utama itu, sebagaimana saya sebutkan dalam jawapan saya tadi sedang dibincangkan di peringkat pegawai. Apabila mereka membuat laporan kelak, laporan ini akan dimajukan kepada Kerajaan dengan cadangan-cadangan dan syor-syor tertentu dan cadangan ini akan dipertimbangkan oleh Kerajaan. Jadi saya tidak dapat berikan makluman berkenaan ciri-ciri utama kerana ini masih dalam peringkat perbincangan.

Tentang peranan Kerajaan Negeri, seperti saya sebutkan tadi memang Kerajaan Negeri dijemput untuk

bersama-sama di dalam memberikan pandangan tentang cadangan daripada UEM ini. Sebagaimana saya sebutkan tadi, syarikat UEM sahajalah yang mengemukakan ini dan saya tidak tahulah kerana syarikat-syarikat lain belum mengemukakan cadangan mereka kepada Kerajaan. Jadi, tidak berbangkitlah sebutan daripada Yang Berhormat tentang hendak men-swastakan Kerajaan.

#### **PENGUNDI BERPAKAIAN SERAGAM MENGUNDI DI LUAR KAWASAN KESELAMATAN**

**6. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad** minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) apakah yang menghalang pihak Kementerian Pertahanan tidak membenarkan calon-calon, wakil-wakil calon dan agen pengundian memasuki kawasan pengundian yang diadakan dalam kawasan keselamatan sehingga proses kebebasan mengundi tidak dapat dipastikan;
- (b) adakah rundingan diadakan dengan Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) dan berapa kali bagi membincangkan perkara di atas; dan
- (c) adakah di masa-masa akan datang perkara ini akan dapat dikaji semula atau pengundi-pengundi berpakaian seragam dan keluarga mereka dibenarkan mengundi di luar kawasan keselamatan supaya perkara di atas tidak berbangkit.

**Menteri Pertahanan (Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Akta Pilihanraya 1959 memberi keistimewaan kepada golongan tertentu termasuk anggota Angkatan Tentera dan isteri/suami untuk mengundi tanpa hadir secara pos. Tiap-tiap

anggota tentera dan isteri/suami yang telah mendaftar sebagai pemilih tanpa hadir akan menerima kertas undi mereka secara pos. Angkatan Tentera adalah satu organisasi yang berkecuali di dalam hal ehwal politik dan untuk menguatkuasakan hakikat ini, Majlis Angkatan Tentera melalui Perintah Majlis Angkatan Tentera No.3 Tahun 1972 telah mengeluarkan garis panduan-garis panduan untuk kegiatan politik dan pilihanraya.

Di antara garis panduan yang terdapat di dalam Perintah ini ialah seseorang anggota tentera itu tidak boleh menjadi ahli parti politik, terlibat di dalam apa jua urusan parti politik termasuk semasa pilihanraya dan tidak boleh mengambil bahagian di dalam perhimpunan atau perjumpaan politik. Mereka juga tidak dibenarkan menghadiri perjumpaan-perjumpaan dan perhimpunan politik dengan berpakaian seragam atau di waktu bertugas. Pada dasarnya anggota-anggota tentera mesti dilindungi daripada apa jua penglibatan secara langsung atau tidak langsung di dalam urusan politik. Oleh yang demikian langkah untuk membolehkan agen-agen parti politik memasuki kem tentera semasa pilihanraya boleh menjejaskan kedudukan Angkatan Tentera sebagai satu institusi yang berkecuali dan bebas daripada pengaruh parti politik.

- (b) Pihak Suruhanjaya Pilihanraya telah mengadakan rundingan dengan wakil Angkatan Tentera pada 4hb April 1990 tentang usul yang dikemukakan oleh parti-parti politik supaya mereka dibenarkan masuk ke kem bagi menyaksikan urusan pengundian.

- (c) Untuk terus memelihara prinsip pengecualian dan kebebasan dari politik, maka larangan untuk calon-calon atau wakil-wakil calon memasuki kawasan kem perlu dikekalkan. Anggota tentera serta isteri/suami mereka jika tidak mahu kemudahan mengundi secara pos, mereka boleh diberi kebebasan untuk mengundi secara hadir atau di luar kawasan keselamatan akan tetapi mereka perlulah mendaftar sebagai pengundi hadir terlebih dahulu. Memandangkan anggota-anggota tentera sering ditukarkan dari satu kawasan ke kawasan yang lain, maka pengundian secara hadir adalah tidak sesuai dan juga sukar dilaksanakan kerana perlu mengambil cuti dan menanggung kos perjalanan.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Walaupun pihak Kementerian yang berkenaan telah memberi beberapa hujah tetapi untuk mengelakkan daripada timbulnya sebarang sangkaan buruk dan juga demokrasi dapat dilihat berjalan dengan baik dan teratur, apakah Kerajaan bercadang supaya masalah ini dapat dikaji dan dibuat perubahan-perubahan supaya apa yang berlaku itu tidak timbul dan sangkaan buruk pun tidak akan berlaku. Adakah pihak Kerajaan akan bercadang untuk pilihanraya akan datang?

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang hendak mengubah cara pengundian dilaksanakan yang diterima pakai pada masa ini kerana tidak ada sebarang bukti yang nyata dan sahih bahawa ada sebarang penyelewengan yang telah berlaku selama ini.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana Kerajaan tidak bercadang untuk

mengubah cara-cara yang ada pada masa sekarang ini untuk anggota tentera, bolehkah Yang Berhormat Menteri memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini apakah cara-cara ini dilakukan oleh lain-lain negara yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen? Sebab saya dimaklumkan bahawa cara pengundian anggota tentera di negara Thailand tidak dibuat seperti apa yang berlaku di negara kita ini bagi memastikan supaya proses perjalanan pilihanraya dilakukan dengan secara yang adil dan saksama.

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, kita adalah sebuah negara yang berdaulat dan bermaruah. Jadi kita boleh memilih cara kita sendiri. *(Tepuk)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Tuan Billy Abit Joo.

*(Soalan No.7 Y.B. Tuan Billy Abit Joo tidak hadir)*

## PROJEK PERUMAHAN AWAM KOS RENDAH DI SARAWAK

8. **Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sebab-sebab kenapa projek pembinaan perumahan kos rendah telah mengalami kegagalan teruk di negeri Sarawak, dan apakah rancangan sudah dijadualkan untuk membina rumah-rumah kos rendah dalam dekad sembilan puluhan supaya menemui permintaan daripada mereka yang berpendapatan rendah.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Osu bin Haji Sukam):** Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan projek perumahan awam kos rendah di Sarawak setakat ini tidak menghadapi sebarang kegagalan. Hanya terdapat beberapa projek mengalami kelewatan kerana beberapa faktor yang

antaranya termasuklah keadaan fizikal tapak yang tidak begitu sesuai dan kontraktor yang kurang kemampuan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kerajaan Negeri telahpun mengenalpasti projek-projek perumahan kos rendah untuk dilaksanakan bagi tempoh Rancangan Malaysia Keenam.

### MAS—MENAIKKAN TAMBANG

9. Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah alasan-alasan yang munasabah yang diutarakan oleh MAS untuk menaikkan tambang baru-baru ini. Adakah Kementerian bercadang meluluskannya.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail):** Tuan Yang di-Pertua, di antara beberapa alasan yang dikemukakan oleh Sistem Penerbangan Malaysia untuk menaikkan kadar tambang baru-baru ini ialah:

- (a) kenaikan kos operasi; dan
- (b) kenaikan harga bahan bakar sejak berlakunya Krisis Teluk mulai bulan Ogos, 1990.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan juga terutamanya Ahli-ahli Pembangkang dan Dewan ini, Kerajaan telah tidak menyetujui cadangan MAS untuk menaikkan tambang domestik.

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebab yang diberi tadi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah dua sebab, iaitu satu kos operasi dan satu lagi kenaikan kos bahan bakar. Saya ingin tahu apakah item-item di dalam kos operasi itu, iaitu kalau dibuang kenaikan kos bahan bakar. Apa dia yang dimasukkan dalam kos operasi?

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya sangka bila saya kata tadi Kerajaan tidak setuju menaikkan tambang, tidak adalah soalan tambahan lagi. Sebenarnya kenaikan kos operasi termasuklah peningkatan kos, iaitu seperti unsur-unsur gaji dan juga perolehan pesawat-pesawat baru.

### PADI BERMUTU TINGGI

10. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) apakah menghalang petani-petani di negara ini gagal untuk menghasilkan padi yang sama mutunya dengan yang dikeluarkan oleh petani-petani Thailand sedang kajian-kajian terus menerus dilakukan oleh pihak yang berwajib;
- (b) adakah kelemahan itu disebabkan oleh dasar Kerajaan yang menolak dasar berdikari dalam menghasilkan beras untuk negara dan lebih senang menggunakan beras Siam yang bermutu tinggi; dan
- (c) sila nyatakan langkah yang akan diambil supaya dalam waktu singkat beras negara ini menyamai beras Siam.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar):** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan:

- (a) Padi jenis bermutu tinggi tidak dikeluarkan di negara ini seperti di Thailand kerana padi-padi jenis tersebut memerlukan pematangan yang panjang sehingga sampai 145 hari. Padi-padi jenis ini tidak sesuai ditanam di kawasan jelapang padi negara. Kawasan jelapang padi negara telah disediakan dengan kemudahan infrastruktur yang

lebih sesuai untuk tanaman padi jenis matang pendek selama 125 hari supaya boleh ditanam dua kali setahun. Ini adalah kerana penanaman padi dua kali setahun adalah bertujuan memperolehi matlamat meningkatkan pengeluaran dan sara diri yang optima.

- (b) Kos pengeluaran padi yang tinggi menyebabkan tidak ekonomik untuk mengeluarkan seratus peratus padi bagi memenuhi keperluan negara ini. Memandangkan masalah ini, Kerajaan telah menumpukan pengeluaran padi biasa di kawasan-kawasan jelapang padi negara supaya memperolehi faedah dan kecekapan ekonomi. Tumpuan ini bertujuan untuk memaksimumkan matlamat pengeluaran padi dan sara diri yang optima. Jika pengeluaran juga ditumpukan kepada penanam padi bermutu tinggi, adalah dijangkakan kadar sara diri negara adalah lebih rendah. Di samping itu, pada sistem harga sekarang pengeluaran padi bermutu tinggi adalah tidak menguntungkan kepada petani-petani di negara ini. Pendapatan petani-petani adalah lebih tinggi bagi padi biasa memandangkan purata hasil sehektar ialah di antara 4 hingga 5 tan metrik berbanding dengan pengeluaran padi jenis bermutu tinggi hanya satu hingga 2 tan sehektar.

- (c) Langkah-langkah yang sedang diambil oleh agensi Kerajaan seperti MARDI untuk menghadapi masalah di atas ialah membuat penilaian ke atas jenis-jenis padi tempatan dan luar negeri bagi mendapatkan jenis-jenis padi yang bermutu tinggi dari segi panjangnya, wangi serta sedap rasanya. Kacukan-kacukan ke atas pelbagai jenis padi telah dibuat. Pemilihan dan penilaian

ke atas padi-padi baru ini memakan masa sekurang-kurangnya 4 tahun. Sehingga kini MARDI telah dapat mengeluarkan beberapa jenis padi baru yang baik mutu dan penghasilannya, seperti MR 77, MR 84, MR 106 dan MR 103.

Mengenai padi berkualiti tinggi dan berbau wangi, pihak MARDI sudah mula menjalankan kajian pengeluaran ke atas beberapa jenis padi tersebut. Insya Allah, dalam masa satu hingga 2 tahun lagi teknologi pengeluarannya akan dapat disyorkan.

**Tuan Haji Ghazali bin Ahmad:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Kalau Kementerian Pertanian tidak dapat mengeluarkan padi semacam mana padi-padi daripada Thailand kerana terlalu panjang masanya dan kita dapat membuat di negeri kita dengan dua kali setahun. Tidakkah ada cadangan untuk dijadikan tiga kali setahun dalam kawasan jelapang padi negara?

**Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini belum ada lagi.

#### PENDAPATAN EKONOMI LUAR BANDAR

11. **Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan cara-cara yang berkesan selain dari pembangunan bagi menambah pendapatan-pendapatan orang-orang di luar bandar bagi meninggikan ekonomi mereka.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar (Dato Mohamed bin Jamrah):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, usaha-usaha pembangunan yang melibatkan penyediaan prasarana seperti pembinaan jalan, bekalan

elektrik dan air luar bandar adalah bertujuan menyediakan kemudahan-kemudahan asas untuk memperbaiki taraf hidup penduduk-penduduk luar bandar. Ianya juga bertujuan membuka kesempatan kepada mereka untuk berusaha dalam aktiviti-aktiviti yang boleh menambahkan pendapatan masing-masing. Cara ini dilaksanakan bersama dengan pendekatan lain yang juga bermatlamat mendedahkan masyarakat luar bandar dalam bidang khidmat bimbingan, kemahiran dan keusahawanan. Ini termasuk program-program seperti berikut:

- (i) latihan kemahiran dan keusahawanan;
- (ii) pemberian khidmat bimbingan dan nasihat; dan
- (iii) penerapan nilai budaya niaga di kalangan masyarakat luar bandar bagi menceburi bidang perniagaan dan industri kecil atau industri kampung.

**Dr Kua Kia Soong:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Disebabkan Barisan Nasional telahpun mengangkat usul Gagasan Rakyat dari manifestonya untuk mencipta sebuah masyarakat yang penyayang, walaupun ia adalah satu komitmen kepada rupa dan kosmetikisme sahaja, adakah Kerajaan Barisan Nasional akan ikut satu lagi cadangan dari manifesto Gagasan Rakyat yang saya rasa lebih berkesan untuk menambah pendapatan-pendapatan orang-orang di luar bandar, iaitu mengikut cara-cara pembaharuan yang lebih structural seperti pembaharuan tanah ataupun land reform, dengan izin?

**Dato Mohamed bin Jamrah:** Tuan Yang di-Pertua, saya kira kita di dalam Kerajaan adalah the pace setter dan kita tidak pernah mengikut Gagasan Rakyat.

Yang keduanya, soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat adalah tidak berkaitan.

## SAHAM SYARIKAT TENAGA NASIONAL/TELEKOM MALAYSIA

**12. Dr V. David** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan apakah nama syarikat yang memegang peratusan saham besar dalam Syarikat Tenaga Nasional dan Syarikat Telekom Malaysia.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, Ahli Yang Berhormat, pemegang peratusan saham yang besar dalam Tenaga Nasional Berhad dan Syarikat Telekom Malaysia Berhad adalah seperti berikut:

Tenaga Nasional Berhad:

Kerajaan Malaysia melalui Menteri Kewangan Malaysia Diperbadankan memiliki 100% saham Tenaga Nasional Berhad.

Syarikat Telekom Malaysia Berhad:

Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, saham STM telah disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur mulai 7hb November, 1990. Oleh itu sebahagian dari saham-saham STM bertukar tangan setiap hari melalui BSKL. Walau bagaimanapun, beberapa pemegang saham terbesar yang memegang saham STM ialah:

- Menteri Kewangan Malaysia Diperbadankan;
- Perbadanan Nasional Berhad; dan
- Bank Negara Malaysia.

**Dr V. David:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah beritahu Dewan ini berapakah peratusan saham yang dipegang oleh pekerja-pekerja dalam syarikat itu.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, soalan Ahli Yang Berhormat tadi bertanya nama syarikat yang memegang peratusan saham terbesar dalam Tenaga Nasional dan Syarikat Telekom Malaysia. Jadi, oleh kerana Ahli Yang Berhormat tanya syarikat dan tidak tanya pekerja, saya minta notis.

### PENCEMARAN AIR DI KAWASAN PEMBALAKAN SARAWAK

**13. Tuan Jason Wong Sing Nang** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah tindakan yang telah atau akan diambil oleh Kementerian tentang pencemaran air di kawasan pembalakan di pendalaman Sarawak.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Peter Chin Fah Kui):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pencemaran sungai yang disebabkan oleh aktiviti pembalakan dikawal melalui garispanduan-garispanduan dan syarat-syarat lesen yang dikenakan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Sarawak.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa syarat-syarat untuk mengawal pencemaran air adalah di dalam tangan pihak Kerajaan Negeri Sarawak. Tetapi memandangkan bahawa pihak Kementerian Alam Sekitar Persekutuan ini pun berkuasa dan bertanggungjawab untuk melaksanakan akta-akta persekitaran seperti Environmental Quality Control Act yang memerlukan EIA dibuat. Jikalau mengikut jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri begini, maksudnya dia tidak berkuasa lagi, baik tutup pintu Kementerian Sains Teknologi dan Alam Sekitar, biar Kerajaan Negeri buat apa sahaja. (*Tepuk*) Satu jawapan yang kurang memuaskan sama sekali, minta penjelasan.

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya memang tepat kerana itu mengenai pencemaran sungai di pendalaman negeri Sarawak di kawasan pembalakan, ialah perkara yang luar bidang kuasa Kementerian saya atau EIA yang disebut oleh Yang Berhormat tadi. Oleh sebab itu, jawapan saya tadi tidak salah.

### PENGARUH TELEVISYEN/RADIO

**14. Tuan Wong Wing On** minta Menteri Penerangan menyatakan kenapa krisis keyakinan orang ramai terhadap kredibiliti dan integriti TV dan radio telah meningkat setelah Pilihanraya Umum 1990.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Fauzi bin Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, media letronik di negara ini khususnya Televisyen telah mengalami perubahan yang sangat besar dalam mempengaruhi fikiran rakyat. Kajian ke atas orang ramai menunjukkan bahawa pengaruh Televisyen telah meningkat dari 46%, penetration, dengan izin, pada tahun 1980 kepada 76% pada tahun 1990 berbanding dengan peningkatan bacaan akhbar harian daripada 5% kepada 56%, hanya dalam tempoh 10 tahun sahaja Televisyen telah muncul sebagai media komunikasi yang unggul mengatasi pengaruh akhbar-akhbar.

Sama ada Televisyen dan Radio telah kehilangan kredibiliti atau integriti, sukacita saya nyatakan bahawa keputusan Pilihanraya Umum yang telah diadakan baru-baru ini di mana Barisan Nasional telah memenangi pilihanraya tersebut dengan cemerlangnya, mengekal majoriti dua pertiga serta berjaya meningkatkan jumlah undi yang diperolehinya menolak secara total dakwaan itu.

Televisyen dan Radio merupakan sumber hiburan yang paling diminati, di samping berfungsi sebagai pemberi maklumat yang paling tepat serta terkini.

Sebagai contoh di atas sambutan orang ramai terhadap siaran atau program Televisyen RTM, Tuan Yang di-Pertua, 'More Jutaria' umpamanya, adalah satu program yang amat diminati lebih daripada 3 juta penonton bagi setiap siarannya. Program seperti 'Teleton' pula berjaya menghasilkan kutipan derma dari orang ramai sebanyak \$5 juta iaitu \$3 juta lebih dari matlamat asal RTM.

Hasil pengiklanan pula menunjukkan kenaikan angka setiap tahun:

1989	\$155,370,000
1990	\$173,578,000
1991	\$180,000,000

Penjualan set-set Radio dan Televisyen juga tidak menampakkan sebarang kemerosotan. Sebagai contoh, sebanyak 14,000 set Radio dan 17,000 set Televisyen telah dijual pada tiap-tiap bulan, pada bulan Oktober sebelum Pilihanraya dan pada bulan November selepas Pilihanraya.

Kesemuanya menunjukkan tidak ada sebarang tanda kemerosotan pengaruh Televisyen dan Radio. Sesungguhnya, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada sebarang krisis keyakinan terhadap Televisyen dan Radio.

Tuan Yang di-Pertua, parti-parti Pembangkang melaung-laung mahukan liputan ke atas mereka dan aktiviti-aktiviti mereka ditingkatkan kononya demi keadilan, masakan, Tuan Yang di-Pertua, Televisyen yang tidak ada kredibiliti serta integriti menjadi rebutan parti Pembangkang seperti DAP.

**Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada pihak Kementerian Penerangan kerana kredibiliti RTM bukan sahaja kekal, tambah meningkat lagi. Dan untuk meningkatkan lebih lagi, adakah RTM bercadang untuk menambahkan

rancangan yang bersifat pendidikan kepada masyarakat dan mengurangkan hiburan-hiburan. Peningkatan kepada siaran-siaran dan rancangan-rancangan pendidikan untuk menjelaskan dan menghapuskan kekeliruan dan tohmahan pihak-pihak Pembangkang, khususnya dalam masalah politik, untuk pendidikan, konsep demokrasi dan lain-lain lagi. Juga untuk menjelaskan kemungkinan ajaran salah dari segi akidah, sebagai contoh, fatwa syahid Memali dan sebagainya. Jadi, adakah pihak RTM bercadang untuk meningkatkan rancangan-rancangan pendidikan seperti ini.

**Dato' Haji Fauzi bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun RTM berpuashati dengan siarannya, tetapi kita akan berterusan untuk membaiki mutu siarannya dan memang ada cadangan RTM sendiri untuk menentukan bahawa kita akan memperbanyakkan penyiaran perkara-perkara pendidikan dan juga mengurangkan secara berterusan program-program seperti tonjolan jenayah dan sebagainya.

Berkait dengan pendedahan terhadap kegiatan-kegiatan Pembangkang yang tidak berfaedah, Tuan Yang di-Pertua, memang pihak RTM akan berterusan menonjolkan kebenaran. Apa juga kebenaran dan seperti Tuan Yang di-Pertua sedia maklum bahawa banyak perkara-perkara yang ditonjolkan oleh RTM mendedahkan kebenaran dan kerana itulah pada Pilihanraya Umum yang lalu rakyat telah memberi sekali lagi mandat kepada Kerajaan Barisan Nasional untuk terus memerintah. (Tepuk)

#### PERUNTUKAN PEMBERIAN KEPADA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

**15. Tuan Lim Hock Seng** minta Menteri Kewangan menyatakan berapa banyakkah jumlah peruntukan wang telah diberi kepada Kerajaan Negeri

Pulau Pinang untuk tahun 1990. Sila beri butir-butir berkenaan pemberian peruntukan wang tersebut.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman):** Tuan Yang di-Pertua, jumlah peruntukan pemberian kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada tahun 1990 adalah sebanyak \$40,355,890. Jenis-jenis pemberiannya adalah seperti berikut:

- (i) pemberian mengikut bilangan orang, \$6,923,300;
- (ii) pemberian penyelenggaraan jalanraya, \$17,190,900;
- (iii) pemberian pertambahan hasil, \$3,900,000;
- (iv) bayaran perkhidmatan kerana melaksanakan projek-projek Kerajaan Persekutuan, \$120,000;
- (v) pemberian berdasarkan tahap pembangunan ekonomi, infrastruktur dan kesejahteraan hidup, \$4,800,000;
- (vi) pemberian bagi membiayai perbelanjaan mengurus bagi Jabatan-jabatan di bawah senarai bersama, \$4,500,000.
- (vii) geran tahunan kepada Penguasa-penguasa Tempatan, \$2,263,000;
- (viii) caruman bantuan kadar kepada Penguasa-penguasa Tempatan \$2,695,390.

#### SYARIKAT YANG DISWASTAKAN—KEUNTUNGAN

16. Tuan Liew Ah Kim minta Perdana Menteri menyatakan sejauhmana pencapaian agensi-agensi Kerajaan yang telah diswastakan berikutan dengan dasar penswastaaan selama ini:

- (a) keuntungan bersih yang diterima oleh syarikat-syarikat tersebut sehingga Jun, 1990;

(b) kebajikan kakitangan setelah diswastakan berbanding dengan semasa dalam agensi Kerajaan; dan

(c) cukai pendapatan yang dikenakan kepada agensi-agensi tersebut setelah ianya dijadikan syarikat swasta.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat:

(a) keuntungan bersih yang diterima oleh beberapa syarikat yang telah diswastakan bagi tahun kewangan 1988 adalah \$811.7 juta dan bagi tahun kewangan 1989 sebanyak \$1,066.4 juta.

(b) kebajikan kakitangan telah diberi perhatian yang mendalam apabila sesebuah agensi Kerajaan diswastakan. Dari segi gaji dan terma perkhidmatan, mereka menerima gaji dan syarat perkhidmatan yang lebih baik dari apa yang diterima semasa berkhidmat dengan Kerajaan. Dari segi latihan, pihak syarikat mengutamakan latihan di berbagai peringkat kerana ianya adalah penting bagi meningkatkan produktiviti. Di samping membayar bonus kepada kakitangan syarikat-syarikat yang diswastakan, syarikat-syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur telah juga menawarkan sahamnya kepada kakitangan.

(c) cukai pendapatan yang dikenakan kepada syarikat-syarikat tersebut setelah ianya diswastakan iaitu bagi tahun kewangan 1988 \$25.9 juta dan bagi tahun kewangan 1989 adalah \$81.0 juta.

**Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Timbalan Menteri menunjukkan prestasi syarikat-syarikat yang telah diswastakan dengan membandingkannya sebelum dan selepas pengswastaaan tersebut.

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat kalau saya hendak sebut berkenaan perbandingan secara terperinci tentulah mengambil masa. Dan saya ingat kalau kita sanggup melihat tentang perubahan-perubahan yang telah berlaku kepada syarikat-syarikat ini dan bagaimana mereka dapat mengatasi prestasi mereka, saya ingat ini jelas kalau kita lihat dari segi MAS, dari segi Syarikat Telekom sebagai contoh yang mana perubahan-perubahan khidmat yang dapat diberikan kepada rakyat jelata telahpun dapat dipertingkatkan. Dan keuntungan mereka telahpun dapat ditingkatkan.

#### PELABUR LUAR NEGERI— PERMOHONAN

**17. Tuan Nurnikman bin Abdullah** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan berapakah permohonan pelaburan luar negeri sepanjang tahun 1990 dan berapakah yang telah diluluskan.

14-1-91

**5. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan jumlah pelaburan dari kalangan negara-negara anggota OIC di Malaysia. Nyatakan juga dalam sektor manakah pelaburan ini dibuat.

31-1-91

**1. Tuan Ahmad bin Omar** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan dalam tempoh 10 bulan tahun ini (1990), dari manakah pelabur-pelabur luar yang telah

membuat tanaman modal yang tinggi di dalam negara dengan menyatakan sekali jumlah pelaburan yang terlibat, jenis pelaburan dan zon-zon pelaburan yang disertai.

7-2-91

**15. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) jumlah modal dan pelaburan asing dalam negara sehingga sekarang dan jumlah bagi tahun 1990; dan
- (b) sila senaraikan 10 negara yang paling terbesar pelaburan di Malaysia dan jumlahnya.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Chua Jui Meng):** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon izin untuk menjawab soalan ini bersama dengan soalan-soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Marang pada 14-1-1991; Ahli Yang Berhormat dari Pagoh pada 31-1-1991 dan Ahli Yang Berhormat dari kawasan Tumpat pada 7-2-1991 secara bertulis memandangkan jawapan-jawapan ini banyak mengandungi data-data, perangkaan-perangkaan serta ulasan yang panjang.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Baiklah.

#### PEMBINAAN SEKOLAH- SEKOLAH DI KAWASAN SUGUT

**18. Tuan Michael Asang** minta Menteri Pendidikan menyatakan bilakah Kementerian dapat mempertimbangkan permohonan pembinaan beberapa buah sekolah rendah di beberapa kampung di kawasan Sugut seperti yang disebutkan di bawah ini. Ini memandangkan kanak-kanak di kampung berkenaan tidak dapat memulakan pembelajaran mereka

di sekolah-sekolah yang sedia ada ujud disebabkan masalah jarak dan perhubungan jalanraya yang tiada dan hanya bergantung kepada perhubungan melalui sungai yang cetek. Kampung-kampung yang tersebut ialah:

- (a) Kampung Mangkasulap;
- (b) Kampung Tamunda;
- (c) Kampung Kaliaga;
- (d) Kampung Binsulung (Bangunan telah dibina atas daya usaha penduduk kampung dan perlu tenaga pengajar serta kediaman guru).

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini terdapat sebanyak 24 buah sekolah rendah dan dua buah sekolah menengah di kawasan Sugut. Sekolah-sekolah yang sedia ada saya rasa dapat menampungkan murid-murid dari kampung-kampung Mangkasulap, Kaliaga, Tamunda dan Binsulung. Sekolah-sekolah tersebut juga disediakan dengan kemudahan asrama bagi murid-murid dari kampung-kampung yang berjauhan dengan sekolah. Oleh itu tidak timbul masalah membina beberapa buah sekolah lagi di kawasan Sugut.

#### TENTERA MALAYSIA KE ARAB SAUDI

**19. Tuan Gooi Hock Seng** minta Menteri Luar Negeri menyatakan alasan Kerajaan yang telah menolak permintaan Arab Saudi untuk menghantarkan tentera ke Saudi dan adakah Kerajaan bersedia untuk menghantar tentera sekiranya Iraq menyerang Saudi. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menggesa Iraq menarik diri dengan segera dari menduduki Kuwait.

**Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan):** Tuan Yang di-Pertua, saya telah memberi jawapan yang sama semasa menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam pada 5.12.1990 di Dewan yang mulia ini. Saya tidak ada apa-apa tambahan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa yang diperuntukkan untuk Pertanyaan-pertanyaan Bagi Jawab Mulut sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 7, 20 dan 21 adalah di beri di bawah ini.)*

#### PROJEK BAKUN HYDRO ELECTRIC POWER

**7. Tuan Billy Abit Joo** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) apakah kedudukan dan keadaan yang sebenarnya mengenai Projek Bakun Hydro Electric Power yang dicadangkan; dan
- (b) sama ada ampangan (HEP)/ Pilihan lain (alternative) telah dikenalpasti selain dari Bakun (HEP) di Sungai Rajang.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Haji Mohd. Ghazali:** Kerajaan sedang mengkaji potensi sumber tenaga hidro keseluruhan Lembah Sungai Rajang. Keputusan muktamad mengenai pelaksanaan projek-projek tertentu di Lembah tersebut akan mengambil kira kos ekonomi, permintaan bekalan tenaga elektrik dan kesan ke atas mutu alam sekitar.

**PASPORT PALSU  
ANTARABANGSA MALAYSIA—  
SINDIKET**

**20. Tuan Tan Kok Wai** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) kemajuan atau perkembangan dalam menghancurkan sindiket pasport antarabangsa Malaysia yang bergerak di dalam dan di luar Malaysia; dan
- (b) bilangan pegawai Imigeresen yang ditangkap kerana terlibat dalam pengeluaran pasport Malaysia palsu dengan ber-subahat dengan sindiket dan bagaimana mereka dihukum.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):**

- (a) Pihak Polis senantiasa meningkatkan pengawasan dan penyiasatan terhadap kegiatan memalsukan pasport antarabangsa Malaysia. Setakat ini beberapa sindiket yang memalsukan pasport antarabangsa Malaysia telah dikenalpasti dan dilumpuhkan dan tindakan undang-undang turut diambil terhadap mereka. Dengan tindakan-tindakan ini, secara keseluruhannya kegiatan ini di dalam negeri adalah terkawal;
- (b) Seramai empat orang pegawai Imigeresen telah ditangkap pada tahun 1987 kerana terlibat dalam pengeluaran pasport antarabangsa yang dipalsukan dan ber-subahat dengan sindiket-sindiket berkenaan. Semenjak tahun itu, tiada lagi pegawai Imigeresen yang terlibat dengan kegiatan pemalsuan pasport antarabangsa Malaysia.

**PENDATANG HARAM—JUMLAH**

**21. Tuan Lau Dak Kee** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah bilangan pendatang-pendatang haram dapat dicamkan oleh Kerajaan setakat ini; dan

- (a) bilangan pendatang haram telah didaftarkan oleh badan-badan Kerajaan; dan
- (b) langkah-langkah yang positif telah diambil untuk menjamin keselamatan dan keamanan negara tidak terancam oleh mereka.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Jumlah pendatang tanpa izin tidak dapat dipastikan kerana kemasukan mereka tidak melalui pintu-pintu masuk yang diwartakan.

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri sahaja yang bertanggungjawab di atas hal kemasukan/kehadiran orang asing, sama ada mereka masuk secara teratur atau tidak;
- (b) Kerajaan sentiasa mencari jalan untuk mengatasi masalah kemasukan pendatang tanpa izin ke negara ini, antara langkah-langkah yang telah diambil ialah:
  - (i) mengetatkan kawalan dan rondaan di pintu-pintu masuk haram dan di kawasan-kawasan yang disyaki iaitu di sempadan dan perairan negara;
  - (ii) meningkatkan kegiatan pemeriksaan, serbuan dan tangkapan di tempat-tempat yang disyaki;
  - (iii) mendakwa mereka serta orang-orang yang ber-subahat dan memberi perlindungan kepada golongan ini di Mahkamah.

**USUL MENANGGUHKAN  
MESYUARAT DI BAWAH  
PERATURAN  
MESYUARAT 18**

**PENANGKAPAN DR MAXIMUS  
ONGKILI**

4.03 ptg.

**Datuk Bernard Giluk Dompok (Penampang):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengemukakan satu Usul tergepar di bawah Peraturan 18 untuk meminta Dewan yang mulia ini menangguhkan mesyuaratnya untuk membincangkan satu perkara yang tertentu yang berkepentingan orang ramai dan perlu disegerakan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang saya maksudkan itu ialah penangkapan seorang rakyat Sabah iaitu Dr Maximus Ongkili oleh orang-orang yang dipercayai pegawai-pegawai Polis dari Cawangan Khas, Ibu Pejabat Polis Bukit Aman kira-kira jam 10.00 malam tadi semasa bermakan malam di salah sebuah restaurant di Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, Dr Maximus Ongkili ialah Timbalan Ketua Eksekutif Institut Kajian Pembangunan Sabah (IDS) dan di samping itu beliau juga bertindak sebagai Perunding Akhbar (Press Consultant) kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, dari apa yang saya sebutkan di atas, kita boleh lihat bahawa Dr Maximus Ongkili memegang jawatan-jawatan yang penting di Sabah. Pendek kata, beliau adalah rakyat Sabah yang berjawatan tinggi dan penting. Penangkapan beliau dengan secara tiba-tiba serta mengejut malam tadi telah menimbulkan satu tandatanya yang besar di kalangan rakyat Sabah, khususnya pemimpin-pemimpinnya. Begitu juga keluarga beliau yang berada di Sabah. Kita tidak tahu mengapa beliau ditangkap. Kita hanya boleh menganggapkan bahawa beliau telah

ditangkap di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) ataupun mungkin beliau telah diculik oleh orang-orang yang memperkenalkan diri mereka sebagai pegawai-pegawai Polis dari Cawangan Khas.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu maka saya ingin mencadangkan agar Dewan yang mulia ini menangguhkan mesyuaratnya untuk membincangkan perkara ini. Mengarahkan Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri memberitahu apakah sebab Dr Maximus Ongkili ditangkap dan jika ada salah, hadapkan beliau ke mahkamah (*Tepuk*) dan jika tidak bersalah lepaskan beliau dengan serta-merta agar keluarga beliau dan seluruh Sabah yang penyayang tidak bertanya-tanya. Sekian, terima kasih. (*Tepuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat, pagi ini saya telah menerima satu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18 daripada Ahli Yang Berhormat dari kawasan Penampang berkenaan dengan penangkapan seorang rakyat Malaysia, berasal dari Sabah, bernama Dr Maximus Ongkili. Teks Usul Ahli Yang Berhormat itu adalah seperti yang dibacakan sebentar tadi.

Mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 18(2), Tuan Yang di-Pertua, hendaklah menolak permintaan untuk menangguhkan mesyuarat hari ini kecuali jika ia puas hati iaitu perkara yang dibangkitkan itu menepati tiga syarat, iaitu:

- (1) Perkara itu perkara tertentu;
- (2) Perkara itu bagi kepentingan orangramai;
- (3) Perkara itu berkehendak disegerakan.

Setelah meneliti perkara yang dibangkitkan itu saya berpendapat bahawa ia boleh dianggap sebagai menepati syarat pertama dan syarat kedua iaitu perkara tertentu dan bagi

kepentingan orangramai. Tetapi saya tidak bersetuju ia perlu disegerakan perbincangannya sehingga menanggung mesyuarat Dewan hari ini. Kerana saya mendapat tahu tangkapan ini dibuat oleh pihak Polis di bawah Undang-undang ISA mengikut Seksyen 73(1).

Polis berhak menahan selama 60 hari untuk membuat siasatan dan jika tidak ada apa-apa bukti terhadapnya dia boleh dibebaskan. Tetapi jika ada bukti yang kukuh menyentuh perkara yang berkaitan dengan ISA, Perintah Tahanan mengikut Seksyen 8(1) ISA boleh dikeluarkan terhadapnya oleh Menteri Dalam Negeri untuk dia ditahan selama bagi tempoh dua tahun. Subjek yang berkenaan boleh merayu atau membuat pembelaan diri mengikut undang-undang yang telah diperuntukkan.

Oleh kerana itu, saya menolak Usul ini. (*Tepuk*)

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, di bawah Peraturan 14 oleh kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ada di sini dan perkara ini satu perkara yang mustahak, bolehkah kita meminta bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri membuat satu Penerangan daripada Menteri-Menteri di bawah Peraturan 14(1)(i) supaya Dewan yang mulia ini, iaitu satu forum yang begitu mustahak (*Tepuk*) boleh diberitahu sebab-musebab seorang ditahan di bawah ISA. Sama ada ini satu permulaan drag-net "Operasi Lalang II" yang akan bermula. Hak-hak Asasi dicabuli di negara dan tanahair yang kita cintai ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Terima kasih Yang Berhormat dari Tanjong. Saya selaku Yang di-Pertua telah memutuskan mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat yang ditetapkan dan keputusan itu adalah muktamad. (*Tepuk*)

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Mesyuarat diteruskan dengan perkara-perkara . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya bukan cabar . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Mesyuarat diteruskan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, saya tidak cabar keputusan. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri membuat satu Ministerial Statement . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Diminta Yang Berhormat menghormati keputusan. Mesyuarat diteruskan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh hadir sama ada rela dia buat satu Ministerial Statement . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Mesyuarat diteruskan sekarang.

**Tuan Lim Kit Siang:** Sama ada beliau benar tak benar?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Mesyuarat diteruskan sekarang. (*Disampuk*)

**Dr V. David:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan, bolehkah?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Mesyuarat diteruskan sekarang, sudah diputuskan.

**Dr V. David:** Bolehkah Menteri beritahu di mana orang ini sekarang? (*Disampuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Mesyuarat diteruskan. Yang Berhormat diminta duduk! Setiausaha, teruskan. (*Disampuk*) Tenang!

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1991

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN 1991

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 1991 dibacakan kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatan-kuasa sebuahbuah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut Seksyen 4(3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari \$9,433,569,070 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1991, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan 1991, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 19 tahun 1990, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang sedemikian jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut; dan bahawa, Usul yang telah diluluskan oleh Dewan ini pada 11 Disember, 1990 mengenai perbelanjaan yang dibelanjakan daripada Kumpulan

Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 1991 adalah dibatalkan." (*3hb Januari, 1991*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli yang berucap kelmarin daripada Kapit, sila teruskan ucapan.

4.12 ptg.

**Tuan James Jimbun Anak Pungga (Kapit):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengulangi masalah membuat kad pengenalan serta surat sijil kelahiran di negeri Sarawak, sebab masalah ini masih berlarutan dan perlu diselesaikan. Oleh yang demikian, saya berharap Menteri Dalam Negeri perlu berunding untuk mengatasi masalah membuat kad pengenalan serta surat sijil kelahiran di kawasan pendalaman di seluruh negeri Sarawak terutama sekali di bahagian Kapit.

Masalah ini telahpun ditimbulkan semasa Timbalan Perdana Menteri melawat Sarawak sebelum pilihanraya lalu. Beliau telah bersetuju bagaimana mengatasi masalah membuat kad pengenalan serta sijil kelahiran di kawasan pendalaman di negeri Sarawak. Masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat di kawasan pendalaman dalam membuat kad pengenalan serta surat sijil kelahiran berkenaan ialah seperti dalam contoh berikut. Orang-orang daripada Rumah Panjang Ulu Sungai Ketibas yang hendak membuat kad pengenalan serta sijil lahir ke Daerah Song akan memerlukan perbelanjaan \$200 untuk membeli minyak benzene untuk pergil-balik sahaja—\$200, itu belum lagi termasuk perbelanjaan mengurus makanan, tempat tinggal dan sebagainya. Ini bermakna mereka memerlukan perbelanjaan lebih kurang \$500.

Kedua, mereka perlu mengisi borang semasa mereka membuat kad pengenalan dan sijil kelahiran. Masalah ini amat berat kepada mereka yang

datang dari hulu sungai. Kalau form diisi salah, tentu mereka datang lagi ke Song dan ini juga memerlukan perbelanjaan lagi. Oleh yang demikian, bagi mereka yang mampu bolehlah, tetapi bagi mereka yang tidak mampu tentulah masalah ini dibiarkan begitu sahaja. Bukannya mereka tidak mahu pergi membuat permohonan tetapi oleh kerana tidak ada wang perbelanjaan yang cukup. Kadang-kadang ia memerlukan masa yang agak panjang.

Ketiga, kebanyakan mereka yang datang daripada ulu sungai tidak faham mengisi borang permohonan. Oleh kerana mereka tidak faham, dengan sendiri borang permohonan itu tentu salah. Pihak Jabatan Pendaftaran yang menyuruh mereka datang lagi untuk mengisi semula sebelum dilulus, dan ini memakan masa serta perbelanjaan bagi mengurus semua ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian saya ingin menyeru kepada Kementerian Dalam Negeri untuk mengambil berat bagaimana mengatasi masalah ini ataupun berunding dengan Kerajaan Negeri Sarawak supaya perkara ini tidak akan menjadi masalah yang berlarutan dan kita tidak boleh biarkan masalah itu begitu sahaja, sebab kita juga yang akan menyelesaikannya nanti.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan bagi mengatasi masalah membuat kad pengenalan dan surat sijil kelahiran ini, pertama kita perlu mengadakan pasukan bergerak untuk pergi ke kawasan pedalaman di hulu sungai di seluruh negeri Sarawak dan mengatasi masalah ini.

Kedua, saya ingin mencadangkan supaya guru besar-guru besar, guru-guru, pegawai-pegawai perubatan di klinik desa di kawasan pedalaman diberi kebenaran untuk menolong rakyat di kawasan luar bandar mengisi borang-borang bagi membuat kad pengenalan dan surat kelahiran.

Tuan Yang di-Pertua, rancangan atau program pembelajaran yang telah disusun atau diatur di negeri kita boleh dikatakan baik kerana banyak sekolah rendah dan menengah telah dibina di seluruh negara. Murid-murid sekolah yang tinggal di asrama semuanya cukup makanan dan bekalan. Walau bagaimanapun, ada masalah yang penting perlu diberi perhatian mengenai keputusan peperiksaan. Keputusan peperiksaan di sekolah luar bandar sangat lemah jika dibandingkan dengan keputusan murid-murid yang bersekolah di bandar. Perkara yang begini sungguh menyedihkan dan perlu diambil tindakan segera bagaimana cara-cara mengatasi masalah ini, dan kita tidak boleh biarkan ini begitu sahaja. Kita mesti bertindak sekarang bagi mengatasi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengatasi masalah ini, Kerajaan perlu mengambil lebih ramai lagi guru-guru tempatan, guru-guru pelatih yang bersedia dan berminat untuk mengajar di sekolah yang terletak di kawasan luar bandar. Keperluan fizikal di setengah sekolah juga perlu ditambah serta dibaiki seperti kekurangan kemudahan tempat tinggal bagi guru serta kemudahan bilik darjah yang tidak mencukupi atau sudah uzur perlu diperbaiki.

Kemudahan asas sukan di sekolah luar bandar patut ditambah serta dibaiki supaya murid-murid dari sekolah luar bandar berpeluang untuk bertanding dalam acara sukan ke peringkat kebangsaan. Jangan mengharap pelajar-pelajar ini akan mencapai kejayaan yang bertaraf kebangsaan tanpa kemudahan sukan yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyuarakan perasaan rakyat Malaysia di Sarawak. Ada yang berkebolehan untuk dipertimbangkan bagi menjawat jawatan di agensi kebangsaan atau di perwakilan antarabangsa. Mereka sungguh berminat untuk berkhidmat untuk negara Malaysia yang kita cintai bagi memegang jawatan di luar negeri.

Kami di negeri Sarawak tidak kekurangan pegawai atau personalities yang boleh memegang serta berkemampuan untuk menjawat jawatan sebagai "Duta" dan wakil agensi antarabangsa seperti di New York atau di London.

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, dasar Kerajaan bagi membangunkan pelancongan dalam negeri ini sangat penting dan baik, tetapi bagi negeri-negeri yang belum bersedia membuat rancangan bagi membangunkan pelancongan, perkara ini baru bagi mereka. Kerja menggalakkan para pelancong datang melawat ke negara kita Malaysia sangat berguna kepada kita. Oleh yang demikian . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, nanti sekejap, Yang Berhormat ada masa 5 minit lagi, sila gulung.

**Tuan James Jimbun Anak Pungga:** Oleh itu kita mesti mencari jalan bagaimana untuk memajukan perusahaan pelancong kita di negara ini ke arah lebih maju serta boleh menarik lagi banyak para pelancong datang memberi sumbangan bagi menampung perkembangan ekonomi negara. Tujuan utama kita untuk membangunkan pelancongan di negara ini supaya hasil pendapatan negara ini tidak perlu bergantung sangat kepada hasil minyak dan kayu balak sahaja.

Yang kedua, kita di negeri Sarawak akan berusaha bersungguh bagaimanapun untuk meningkatkan mutu barangan dan kemudahan pelancongan demi mewujudkan Sarawak sebagai tempat destinasi pelancongan dan meningkatkan kedatangan para pelancong ke negeri Sarawak. Dalam negeri Sarawak ada banyak tempat yang boleh dikatakan tempat istimewa seperti Gua Niah, Mulu, pengembaraan ke Sungai Rajang, Beluai, Pelagus, rakit hingga ke Bakun,

bermalam di Rumah Panjang seperti di Sekrang, menikmati keindahan pantai damai dan tempat bersejarah di muzium negeri Sarawak.

Bagi membangunkan kawasan-kawasan pelancongan seperti di Pelagus Resort dan Sekrang Levinture di Rumah Panjang Sarawak, kita memerlukan bantuan kewangan untuk melaksanakan projek-projek pelancongan tersebut.

Saya difahamkan dalam Rancangan Malaysia Kelima, peruntukan kewangan yang diberi kepada negeri Sarawak amatlah sedikit. Oleh itu, dalam Rancangan Malaysia Keenam nanti, kita meminta supaya diberi banyak lagi peruntukan kewangan kepada negeri Sarawak bagi mengusahakan perusahaan pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memuji Kementerian Sumber Manusia yang telah membuat peraturan yang baik dalam peruntukan keselamatan sosial yang memberi kelulusan menambah skim kemalangan supaya melindungi pekerja semasa pergi atau balik daripada tempat kerja. Di bahagian Kapit ramai orang bekerja dengan company kayu balak yang menjadi driver traktor, chain saw, driver lori, scullers dan sebagainya. Mereka ini ada yang tinggal di kem, tetapi kebanyakan mereka tinggal di rumah panjang sendiri. Oleh yang demikian, peraturan baru Pertubuhan Keselamatan Sosial cukup baik kerana banyak masalah telah berlaku memakan masa yang begitu lama untuk menyelesaikannya, ianya hingga tiga tahun baru selesai.

Tuan Yang di-Pertua, kami penduduk di bahagian Kapit meminta Kementerian berkenaan supaya mengadakan satu pejabat Pertubuhan Keselamatan Sosial di Kapit kerana buat masa sekarang, apabila berlaku kemalangan, kami terpaksa pergi ke Sibru untuk membuat aduan. Masalah ini sungguh rumit kerana ada di antaranya terpaksa membawa

anak isteri bila pergi membuat aduan kemalangan yang telah menimpa mereka, bak kata orang, sudah kena susah, ditimpa kemalangan lagi—susah lagi, tidak cukup belanja untuk pergi ke SibU sebab mereka perlu membayar tambang ekspres, tempat tinggal, belanja makan, terpaksa menunggu sampai beberapa hari di SibU menguruskan aduan tersebut kepada pegawai SOCSO di SibU.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, masa sudah cukup. Yang Berhormat dari Tumpat.

4.22 *ptg.*

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat):** Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan yang telah dikatakan penyayang telah memberi peruntukan yang agak besar kepada sektor pertanian iaitu \$1,140 juta atau 12% daripada keseluruhan Perbelanjaan Pembangunan Belanjawan 1991. Tentunya peruntukan itu adalah sebahagian daripada enam bilion ringgit yang telah diperuntukkan kepada pembangunan luar bandar melalui berbagai-bagai Kementerian dan Jabatan.

Perkara yang perlu diberikan perhatian terhadap pemberian peruntukan yang begitu besar sewajarnya tiba pada sasarannya. Apa yang membimbangkan saya ialah peruntukan begitu besar, tetapi kita tidak tahu ke mana sampainya wang itu nanti. Perkara ini ditimbulkan kerana kita tidak mahu dalam suasana Kerajaan begitu gelap mata dengan projek mewah, maka projek yang menelan belanja berjuta-juta ringgit seperti Bukit Cerakah itu dimasukkan sama ke dalam sektor pertanian. Projek itu mungkin boleh menjadi benda kelapan daripada benda ajaib di dunia. Projek Bukit Cerakah mungkin ada baiknya bagi penyelidikan, tetapi ia mungkin sama dengan tumpuan mengkaji angkasa lepas yang disertai

oleh Amerika Syarikat dan Soviet Union, begitu banyak belanja yang dikeluarkan oleh dua buah kuasa besar itu untuk menguasai angkasa lepas, tetapi faedahnya tidak lebih daripada satu kejayaan sains.

Mungkin setakat ini Amerika masih berbangga dengan pencapaiannya sekalipun ia terpaksa berbelanja besar, tetapi apakah jawapan yang dapat diberikan oleh Soviet Union dengan mengeluarkan belanja besar untuk kemajuan sains tetapi negara itu kini terpaksa menghadapi kebangkrapan dan rakyat diancam oleh kekurangan makanan?

Tuan Yang di-Pertua, Soviet Union mungkin berjaya dari sudut menguasai sains, tetapi ia gagal di dalam pertanian dan terpaksa mendapatkan bekalan makanan atas ihsan dunia luar. Pengalaman Soviet itu bukan baru sekali ini. Dalam tahun 1974, sebagai yang disebutkan rakan kami dari Marang ketika membahaskan Belanjawan ini telahpun menyebutnya bahawa krisis-krisis biji-bijian dalam tahun 1974 dahulu juga berpunca daripada kegagalan pertanian Soviet Union yang tidak memaklumkan kepada dunia bahawa hasil pertaniannya merosot. Bagi mengatasi kekurangan makanan, Soviet Union telah membeli biji-bijian di pasaran antarabangsa dengan begitu banyak sehingga tiba-tiba tidak ada bahan biji-bijian lagi dalam pasaran dunia. Ini menyebabkan banyak negara di dunia terperangkap dan tidak dapat bekalan makanan secukupnya.

Malaysia adalah antara negara yang terlibat terpaksa mendapatkan beras daripada China, Pakistan dan sebagainya. Krisis inilah yang menyebabkan Almarhum Tun Syed Nasir, bekas Speaker Dewan Rakyat yang mulia ini yang ketika itu menjadi Pengerusi Lembaga Padi dan Beras Negara, menjadi sasaran Perhimpunan Agung UMNO sehingga beliau terguling daripada Naib Presiden UMNO. Kami

menimbulkan perkara ini kerana dalam ucapan Belanjawan Menteri Kewangan tidak ditekankan soal pengeluaran makanan secara besar-besaran sekalipun terdapat rancangan mahu memanfaatkan tanah terbiar dan membuka tanah baru serta memperkenalkan ladang bersyarikat di FELDA dan rancangan-rancangan tanah baru, tetapi tidak ada suatu penekanan bagi mewujudkan pertanian berkomersial yang nantinya boleh menjadikan negara berdikari dalam pengeluaran makanan.

Tuan Yang di-Pertua, kami menolak konsep yang diperkenalkan dalam tahun 1970 ketika Dasar Ekonomi Baru mula diperkenalkan bahawa adalah lebih menguntungkan negara ini menjadi negara industri daripada menjadi negara pertanian atas alasan semua negara pertanian telah dikenalpasti menjadi negara miskin seperti Burma, negeri-negeri di Indo-China, Indonesia dan sebagainya. Tan Sri Ghazali Shafie yang menjadi Menteri Penerangan ketika itu menyebutkan bahawa tanah yang seluas seekar jika ditanam padi maka hasilnya terhad, sebaliknya jika dijadikan ia tapak kilang, hasil yang akan diperolehi adalah berlipat ganda. Justeru itu disarankan adalah lebih untung jika kita membina kilang di tapak itu dan daripada keuntungan kita membeli beras atau apa-apa barang makanan daripada luar negeri. Bagaimana krisis biji-bijian dalam tahun 1974 tadi dan pengalaman Soviet Union sekarang yang terpaksa meminta sedekah daripada Amerika dan negara-negara barat menjadikan negara itu tunduk kepada kemahuan negara luar.

Kami mencadangkan Belanjawan yang ada ini hendaklah menggunakan sebahagian daripada peruntukan \$1.14 bilion yang diperuntukkan kepada Kementerian Pertanian dan \$6 bilion yang telah diperuntukkan kepada sektor luar bandar itu dimanfaatkan bagi menjadikan negara kita berdikari dalam bidang pengeluaran makanan di samping menghasilkan komoditi pertanian

seperti kelapa sawit, getah dan sebagainya. Penumpuan kepada pertanian pemakanan tidak bererti kita mesti mengabaikan pertanian komoditi dan bidang perindustrian. Yang pentingnya, segala kegiatan ekonomi kita diseimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua, menyebut lagi tentang soal pengeluaran makanan, dari jangka panjangnya menjadikan negara sebagai negara yang merdeka, dari segi makanan adalah satu strategi keselamatan yang baik. Kita belajar daripada pengalaman Iran dan Iraq dalam menghadapi krisis Teluk. Sepanjang sepuluh tahun lalu dunia barat telah menjadikan makanan sebagai senjata dan sekatan makanan daripada luar boleh mengancam keselamatan dan ketahanan negara. Pada ketika yang sama jika kita dapat menghasilkan makanan yang banyak, maka makanan itu boleh kita eksportkan ke luar negeri.

Apabila kita bercakap tentang pengeluaran makanan, janganlah kita tertumpu kepada padi semata-mata. Kita juga harus melihat antaranya kepada pengeluaran buah-buahan dan sayur-sayuran. Kita juga mesti melihat hasil ternakan dan nelayan. Negara kita mempunyai kawasan dan kemudahan untuk mengeluarkan makanan dari pertanian, ternakan dan perikanan. Cuma setakat ini Belanjawan negara kita belum pernah mahu meneroka peluang memakmurkan negara dan rakyat melalui sektor-sektor ini. Jika kita membangunkan perusahaan dan pengeluaran makanan yang tapak dan daerah operasinya rata-rata di luar bandar maka ia akan menjadi sumber kekuatan ekonomi bagi masyarakat di luar bandar. Jika bidang ini dimajukan maka penduduk-penduduk luar bandar akan dapat dibaiki, ekonomi mereka dapat dibaiki, inilah sektor secara langsung dapat membantu mengatasi soal kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, pada ketika sektor ini tidak dibangunkan bersungguh-sungguh, pembangunan asas lain yang dimajukan tiada akan dapat dinikmati oleh rakyat secara menyeluruh. Jika bekalan api tiba di kampung, tidak sekalian penduduk dapat menikmatinya kerana mereka tidak mempunyai cukup perbelanjaan untuk mengadakan tiang elektrik yang boleh membekalkan api kerumahnya. Bila mereka tidak cukup belanja, mereka tidak terdaya untuk menyampaikan paip ke rumahnya, belum lagi dikira tentang keupayaan menyelesaikan bil lampu, air dan telefon.

Tuan Yang di-Pertua, bagi membolehkan kemudahan ini tiba kepada rakyat maka sektor pertanian yang menumpukan soal pemakanan perlulah diberikan keutamaan. Sebagai Wakil Rakyat yang mewakili PAS maka saya mahu menyarankan negara kita hendaklah mengorak, melaksanakan program pertanian yang meliputi pertanian yang mengeluarkan hasil makanan dan pengeluaran komoditi seperti getah dan kelapa sawit bagi menjamin negara sentiasa cukup makanan. Oleh kerana padi adalah bahan makanan utama rakyat negara ini maka tumpuan kepada masalah pengeluaran padi mestilah diberi perhatian. Kerajaan hendaklah menaikkan skim subsidi dan mengawal potongan timbangan supaya petani mendapat keadilan. Kajian mestilah diteruskan bagi menghasilkan padi bermutu tinggi dan kawasan sawah diluaskan melalui tanah-tanah terbiar dan membukakan kawasan-kawasan sawah padi.

Tuan Yang di-Pertua, manakala bidang penternakan sehingga saat ini menjadi satu kekurangan bagi mana-mana negara umat Islam, sedangkan dalam sejarahnya kebanyakan para Nabi dan para Rasul pernah melibatkan diri dalam persoalan penternakan ini. Maka perlulah negara ini mengorak langkah menjadi negara ternakan, kita mesti berdikari menghasilkan daging, susu dan

lain-lain keperluan. Kita mesti menjadi pengeksport utama bagi barangan ternakan. Dengan demikian banyak peluang-peluang pekerjaan dapat diwujudkan dan dapat menyekat pengaliran wang ke luar negeri.

Oleh kerana perikanan juga satu sumber makanan yang penting, maka bidang ini juga perlulah dimajukan supaya 30,000 keluarga miskin sekarang dapat dibela dan lebih ramai lagi rakyat boleh menceburi bidang ini. Sehingga ini Kerajaan gagal kerana program-program perikanan Kerajaan Barisan Nasional telah tidak dapat memperbaiki taraf hidup para nelayan. Akta Perikanan yang dirasakan oleh nelayan sebagai penekanan dan menindas nelayan kecil perlulah dikaji semula supaya terjamin keadilan kepada semua golongan nelayan. Belanjawan kita sepatutnya membuat peruntukan bantuan secukupnya bagi membolehkan nelayan memiliki bot-bot dan kelengkapan-kelengkapan untuk menangkap ikan hingga ke laut dalam melalui persatuan dan syarikat kerjasama nelayan atau orang perseorangan. Nelayan yang memerlukan bantuan hendaklah diberi bantuan modal tanpa faedah. Saya kira ini amat penting. Tingkatkanlah kebolehan dan kemampuan mereka dalam bidang perikanan termasuklah penggunaan teknologi-teknologi moden. Satu program integrasi bermula dari penangkapan, pemprosesan, pemasaran perikanan laut dan darat hendaklah diwujudkan.

Peruntukan \$6 bilion bagi sektor luar bandar tadi, jika digunakan sebaik-baiknya boleh memenuhi keperluan berdikari dalam bidang makanan tetapi jika digunakan untuk projek Bukit Cerakah misalnya maju juga bunyinya, tetapi rakyat terus miskin, sedangkan kawasan salji tiruan yang dibina tidak dapat dimasuki oleh petani-petani. Mungkin projek ini sama dengan permintaan Puteri Gunung Ledang yang meminta Raja Melaka membina

jambatan emas daripada Melaka hingga ke Gunung Ledang yang tidak dapat ditunaikan oleh Sultan Melaka.

Tuan Yang di-Pertua, ada tiga tanggapan secara segera yang boleh diambilkan daripada ucapan Belanjawan 1991 Menteri Kewangan. Yang pertama, Belanjawan ini mengukuhkan terus cengkaman sistem amalan kapitalis. Yang kedua, memperkuatkan kedudukan monopoli golongan korporat yang memerintah. Yang ketiga, meletakkan pergantungan ekonomi negara di bawah telunjuk dan pengaruh percaturan kuasa besar yang menjadikan krisis rantau Teluk sebagai medan pertarungan sekarang. Dengan demikian tidak menghairankanlah jika selepas ucapan Belanjawan ini dibuat seluruh tokoh korporat memberikan sambutan baik kerana ia memberikan perlindungan dan keuntungan yang besar kepada mereka. Contoh Belanjawan ini mengukuhkan cengkaman kapitalisme dapat dilihat daripada sektor rombakan cukai yang memberikan nikmat pelepasan cukai kepada para usahawan. Kami menurunkan dua contoh betapa usahawan sangat gembira.

Tuan Yang di-Pertua, . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, lima minit lagi.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Terima kasih. Pertama, galakan kepada mereka melibatkan diri dalam pelaburan luar bagi mendapatkan faedah daripada peluang ekonomi dunia. Hasil dan keuntungan dari pelaburan ini mendapat potongan 50% bila dibawa pulang dan dividennya bebas cukai. Galakan ini adalah untuk tempoh lima tahun selepas syarikat beroperasi dan mendapat keuntungan dan perbelanjaan yang dibuat sebelum perniagaan dimulakan seperti kos penyelidikan pasaran sebagai potongan bagi tujuan cukai pendapatan.

Tuan Yang di-Pertua, contoh yang kedua, ialah apabila cukai pendapatan dirombak, sekalipun peratus cukai diturunkan kepada semua, yang paling rendah daripada 5% kepada 4% dan yang paling tinggi daripada 40% kepada 35% sekalipun bagi mereka yang berpendapatan hingga \$2,500 yang pertama sudah dicukai sebanyak \$125. Sekarang dan dicadangkan hanya membayar \$100, ia adalah satu nikmat juga. Dan begitu juga ramai orang yang akan mendapatkan faedahnya, tetapi berapalah sangat nikmat itu jika dibandingkan dengan yang diperolehi oleh golongan yang paling tinggi dan mendapat potongan 5%. Golongan yang berpendapatan melebihi daripada \$100,000 ke atas, dikenakan cukai 35%. Jika orang itu berpendapatan \$100,000 yang pertama, sekarang dikenakan cukai sebanyak \$25,675 dan dicadangkan sekarang dicukai sebanyak \$22,825. Ini bermakna pembayar cukai dapat selamat sebanyak \$2,850. Jika pendapatan itu melebihi \$100,000 maka pelepasan itu tinggi lagi. Para korporat yang membuat pendapatan berjuta atau berpuluh juta setahun maka bayangkanlah berapa juta pula mereka dapat selamat daripada cukai. Sudah tentu mereka yang mendapat nikmat tersebut bukanlah para peniaga dan penjaja-penjaja di Pekan Rabu Alor Setar dan peniaga-peniaga di Pasar Chow Kit Road kerana mereka tidak terdaya untuk membuat pelaburan di Pulau Maldiva, di Fiji dan di Papua New Guinea.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit tentang beberapa isu yang telah ditimbulkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang telah bercakap sebelum daripada saya, iaitu soal pengharaman Islam pada PAS.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat gejala ini adalah merupakan gejala yang tidak sihat. Kalau kita lihat kepada sejarah yang berlaku pada tahun 1920an di mana Mustafa Kamal Attaturk, pada

masa itu mereka bukan sahaja menangkap ulama-ulama, bahkan mereka juga telah mengenakan berbagai-bagai sekatan terhadap gerakan Islam, akhirnya gerakan Islam di sana, di Turki telah dihapuskan. Begitu juga yang berlaku di Mesir di bawah pemerintahan Jamal Abdul Nasir, bagaimana Parti Ehwat Muslimin itu telah diharamkan oleh pemerintah Mesir. Dan berhampiran dengan negara kita, negara tetangga kita iaitu negara Indonesia beberapa tahun yang lalu pemerintah Indonesia di bawah pimpinan Presiden Suharto telahpun mengharamkan semua Pertubuhan Islam, semua parti Islam yang menggunakan dasar Islam dan sekarang ini menjelang tahun 1991 apa yang telah dilakukan oleh Mustafa Kamal Attaturk, apa yang telah dilakukan oleh Jamal Abdul Nasir, apa yang telah dilakukan oleh Suharto, mahu dilakukan oleh pemerintah negara kita.

Saya merasa bahawasanya pemerintah kita atau setengah daripada yang mengeluarkan pendapat seumpama ini, pemikiran mereka telahpun diresapi oleh kuman-kuman sekularism, saya kira ini amat berbahaya.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, masa sudah cukup.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Penampang.

4.44 ptg.

**Datuk Bernard Giluk Dompok (Penampang):** Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk turut mengambil bahagian dalam perbahasan atas Rang Undang-undang Perbekalan 1991, yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan di Dewan yang mulia ini pada 14hb Disember, 1990.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya telah maklumkan dalam Dewan yang mulia ini, dengan dukacitanya tadi, bahawa pada hari semalam iaitu kira-kira jam 10.00 malam satu lagi peristiwa yang memalukan telah berlaku di dalam Malaysia, iaitu sebuah negara yang melaung-laungkan pengamalan demokrasi serta jaminan Kebebasan Hak Asasi Manusia dan baru-baru ini juga telah membentangkan satu Belanjawan yang disifatkan Belanjawan Penyayang.

Tuan Yang di-Pertua, peristiwa yang memalukan ini ialah seorang lagi ahli masyarakat penyayang Malaysia amnya dan anak Sabah khasnya telah ditangkap Dr Maximus Ongkili, iaitu salah seorang cendekiawan atau intelektual negeri Sabah dipercayai telah ditangkap di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri atau lebih dikenali sebagai ISA. Pakar pemikiran atau ahli thinker Sabah ini telah ditangkap semasa beliau sedang menikmati jamuan makan malam dengan beberapa orang kawan atau sahabat dari negeri Sabah di salah sebuah kedai makan terbuka atau open-air restaurant di Kuala Lumpur. Di antara orang-orang yang turut makan malam dengan beliau adalah seorang Ahli Parlimen dari Sabah serta seorang Ahli Dewan Undangan Negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, cara Dr Maximus Ongkili ditangkap iaitu semasa beliau sedang menikmati jamuan makan malam dengan kawan-kawan adalah amat dikesali. Apa juga kesalahan beliau jika ada dan kalau iapun tidak bolehkah pihak berkuasa menunggu sehingga beliau menghabiskan jamuannya dan kembali ke tempat penginapannya? Cara yang digunakan itu adalah seolah-olah satu pencolekan atau kidnap, dengan izin, yang sudah pasti itulah yang sedang difikirkan oleh keluarga beliau yang ada di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga tidak faham mengapa penangkapan Dr Maximus Ongkili itu dilaksanakan

apabila beliau berada jauh daripada keluarga beliau di Sabah. Dr Maximus Ongkili kebetulan berada di Kuala Lumpur kerana mengiringi Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah yang sedang menghadiri sidang Parlimen.

Saya berharap bahawa ianya tidak kerana pihak berkuasa hendak menjimatkan wang untuk membeli tiket kapal terbang untuk membawa beliau daripada Sabah ke ibu negara, lebih-lebih lagi saya berharap agar penangkapan beliau tidak ada kena-mengena dengan ucapan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah selaku Ahli Parlimen di Dewan yang mulia ini semalam, di mana selain daripada menyuarakan sekali lagi permintaan-permintaan rakyat Sabah, beliau juga sekali lagi menggesa pihak berkuasa supaya melepaskan 4 orang rakyat Sabah yang masih di bawah tahanan ISA dan yang sedang berkursus di Kamunting.

Saya suka mengulangi apa yang telah dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dalam ucapan beliau semalam iaitu bahawa adalah sukar untuk mempercayai bahawa keempat-empat tahanan ISA itu termasuklah Pengerusi Syarikat Penerbangan Sabah, Encik Benedict Topin terlibat kononnya dalam satu komplot untuk cuba mengeluarkan Sabah dari Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, tidak ada orang yang berfikiran waras boleh mempercayai perkara tersebut lebih-lebih lagi bilamana orang-orang yang dituduh itu adalah rakyat biasa yang tidak berkemampuan. Misalnya, salah seorang rakyat Sabah yang ditahan itu ialah Encik Albinus Yudah, hanyalah seorang pekerja biasa dengan gaji hanya entah berapa ratus sebulan dan tinggal di sebuah rumah murah di skim perumahan murah di Kota Kinabalu. Apakah yang beliau boleh buat? Lebih-lebih lagi pada masa penangkapan beliau itu beliau sedang sakit dan ditangkap pula dalam perjalanan ke hospital.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada apa yang telah dilafazkan oleh isteri Encik Albinus Yudah iaitu Puan Judith Chin semasa beliau bercakap dalam sidang akhbar sekembalinya ke Kota Kinabalu dari Kuala Lumpur, setelah melawat suami beliau yang berada di dalam tahanan pada bulan Jun lalu. Sambil menitis air mata, Puan Judith Chin telah menanya kepada para pemberita: "Apa dia (Encik Albinus) punya kaki mahu kasi keluar Sabah dari Malaysia?" Semua orang yang berfikiran waras akan bersetuju dengan Puan Judith Chin itu.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya penangkapan beberapa orang rakyat Sabah itu hanyalah semata-mata satu tindakan balas dendam pucuk pimpinan Barisan Nasional amnya, dan UMNO khasnya ke atas Parti Bersatu Sabah. Ini adalah jelas kerana boleh dikatakan hampir kesemua yang ditangkap itu adalah penyokong Parti Bersatu Sabah. Tindakan balas dendam ini bermula sebaik-baik sahaja Parti Bersatu Sabah menumbangkan Parti BERJAYA iaitu bekas anak emas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya gunakan perkataan 'bekas' kerana kita semua masih ingat kenyataan terkenal Perdana Menteri semasa berucap di padang Kota Kinabalu dalam pilihanraya umum negeri Sabah tahun 1985. Kenyataan yang saya maksudkan itu ialah, Tuan Yang di-Pertua, bahawa beliau akan, dengan izin, "swim or sink with BERJAYA". Tetapi apabila BERJAYA kalah yang "swim" itu hanya Perdana Menteri dan yang "sink" itu hanya BERJAYA (*Tepuk*).

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya rakyat Sabah tidak benci kepada Kuala Lumpur, hanya Perdana Menteri sahaja yang benci kepada rakyat Sabah kerana telah mengundi Parti Bersatu Sabah. Kalau rakyat Sabah benci kepada Kuala Lumpur, maka Parti Bersatu Sabah tidak akan bergabung kepada sebuah parti orang-orang Melayu yang berpusat di

Semenanjung Malaysia iaitu Semangat 46 melalui penyertaannya di dalam Gagasan Rakyat, dan seperti kita semua tahu bahawa Gagasan Rakyat sebaliknya adalah kaitan dengan beberapa parti berasaskan Islam melalui Angkatan Perpaduan Ummah (APU).

Perdana Menteri boleh kata apa yang beliau suka melalui media massa yang dikawal oleh UMNO, tetapi rakyat atau orang ramai boleh membezakan yang mana permata dan yang mana kaca. Kemenangan Barisan Nasional dalam pilihanraya ini tidak semestinya membuktikan apa-apa, kerana kemenangan itu dicapai dengan tipu-helah melalui mass media yang dikawal oleh UMNO. (*Tepuk*) Misalnya, isu pemakaian "Sigah" oleh Presiden Semangat 46 serta pembohongan RTM dan TV3 kononnya dua orang calon bebas tajaan PBS telah menarik diri. Jika kita lihat jumlah bilangan undi yang diperolehi bagi pihak Pembangkang dalam pilihanraya lepas, jelaslah bahawa rakyat Malaysia pula mahukan perubahan dan saya percaya bahawa dalam pilihanraya umum akan datang rakyat Malaysia lebih bersedia untuk melakukan perubahan yang ditunggu-tunggu itu. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, Perdana Menteri begitu marah kepada Parti Bersatu Sabah kerana PBS adalah parti Sabah yang pertama yang berani bertentangan dengan beliau. PBSlah parti pertama yang berani mengemukakan permohonan atau menyampaikan hasrat rakyat negeri itu. Selama ini dan sebelum itu parti-parti yang pernah memerintah Sabah itu iaitu USNO dan kemudiannya BERJAYA semuanya merupakan parti pak turut kepada kemahuan Kuala Lumpur dan UMNO. Asalkan USNO dan BERJAYA dijadikan 'yes-men', dengan izin, mereka boleh berlaku sesuka hati.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya pihak yang berkuasa benar-benar mahu menjamin keselamatan Malaysia

amnya dan Sabah khususnya, maka di masa-masa yang lalu terdapat beberapa kes di mana ISA boleh atau sepatutnya telah digunakan. Misalnya, tuduhan terbuka dalam tahun 1975 bahawa Ketua Menteri Sabah ketika itu, yang kini Ahli dari Limbawang sekarang, kononnya mahu mengeluarkan Sabah dari Malaysia.

Misalnya, dalam tahun 1986 bilamana berlaku tunjuk perasaan, kekacauan, kebakaran dan bom sana dan bom sini di Sabah oleh sebuah parti Pembangkang di Sabah dengan bantuan orang-orang pendatang haram dan misalnya lagi, penggunaan kad pengenalan biru yang palsu yang berleluasa oleh orang-orang pendatang haram tadi sama ada dengan tujuan untuk memohon kerakyatan Malaysia mahupun untuk berdaftar sebagai pemilih. Semuanya ini dengan jelasnya adalah kes-kes di mana ISA patut telah digunakan, tetapi Menteri Dalam Negeri tidak membuat apa-apa pun. Jawapannya senang sahaja, iaitu bahawa perbuatan-perbuatan itu dilakukan oleh anak angkat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata, saya sekali lagi ingin menggesa semua rakyat Sabah yang masih dalam tahanan ISA itu dibebaskan dengan serta-merta jika mereka tidak dihadapkan ke mahkamah termasuk Dr Maximus Ongkili yang baru sahaja ditangkap semalam. Saya juga ingin menggesa supaya ISA itu dihapuskan sama sekali, (*Tepuk*) dan gesaan ini adalah sejajar dengan manifesto Parti Bersatu Sabah dalam pilihanraya umum negeri dalam bulan Julai tahun lalu.

Adalah menjadi anih apabila Perdana Menteri mahu mengembangkan imejnya dalam pandangan masyarakat antarabangsa dengan menjemput dan menyokong Nelson Mandela tetapi di sebaliknya di dalam negaranya sendiri masih terdapat beberapa undang-undang menindas seperti ISA, OSA dan sebagainya. (*Tepuk*) Kalau mahu

memimpin orang lain, kita harus pimpin diri sendiri. Bukankah pentadbiran Dr Mahathir yang memulakan slogan "Kepimpinan Melalui Teladan"?

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Kota Setar.

4.55 ptg.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman (Kota Setar):** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, kerana saya menunggu dari tahun 1990 hingga hari ini baru dapat peluang bercakap. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas kejayaan Yang Berhormat Menteri yang telah membentangkan satu Belanjawan yang sebegitu rupa hingga kita lihat Ketua Pembangkang tidak menghadirkan diri selama beberapa hari di Dewan yang mulia ini. Ini adalah satu rekod di mana Ketua Pembangkang tidak menggunakan prioritynya, dengan izin, untuk memulakan perbahasan setiap kali Kerajaan membentangkan Belanjawan. Ini membuktikan bahawa Belanjawan kali ini . . . .

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, nanti sekejap. Yang Berhormat Kepong bangun. Hendak apa, Yang Berhormat dari Kepong?

**Dr Tan Seng Giaw:** Minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Hendak bagi atau tidak?

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Ya, silakan. Saya bukan takut. (*Ketawa*)

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Speaker, nampaknya Yang Berhormat itu dia kurang faham apa yang saya maksudkan di sini. Saya bukan hendak mencabar atau menakutkan dia, cuma hendak beri dia tahu peraturan di dalam Dewan ini. Kerana kita masih ada ramai orang yang belum berucap lagi termasuk Yang Berhormat, kita bagi peluang . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Jadi apakah penjelasan yang diminta?

**Dr Tan Seng Giaw:** Mengenai Ketua Pembangkang yang tidak berucap, dia bagi peluang untuk Yang Berhormat juga!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Itu bukan penjelasan yang diminta. Itu ulasan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Itu sahaja, saya hendak tanya dia sama ada dia faham peraturan ini.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Yang di-Pertua, saya beri peluang kepada dia . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Sila teruskan.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Ini membuktikan bahawa Belanjawan kali ini benar-benar baik dan untuk kepentingan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang perbahasan Dewan ini baik semasa perbahasan . . . .

**Tuan Lau Dak Kee:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Nanti sekejap. Ipoh bangun.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Kacau sahaja. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu bagilah.

**Tuan Lau Dak Kee:** Saya minta penjelasan, boleh atau tidak?

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Saya tidak mula lagi ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Dia tidak bagi.

**Tuan Lau Dak Kee:** Bagilah.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat dari Ipoh . . . .

**Tuan Lau Dak Kee:** Tidak bagi?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Sila duduk.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Minta tahan sekejap, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Teruskan, Kota Setar.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Yang di-Pertua, sepanjang perbahasan Dewan ini baik semasa perbahasan Usul Ucapan Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mahupun perbahasan Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, pihak DAP tidak berhenti-henti mengungkit seolah-olah pilihanraya yang diadakan baru-baru ini tidak dijalankan dengan adil dan bebas. Tuduhan-tuduhan ini adalah dikaitkan dengan rumusan daripada Election Watch, dengan izin, yang disebut oleh Ketua Pembangkang semasa membahaskan Usul Menjunjung Kasih Kebawah Tuanku Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, semua masyarakat tahu bahawa mereka yang

mengakui diri mereka sebagai pemerhati pilihanraya itu bukanlah manusia yang boleh dikategorikan sebagai orang yang neutral atau yang tidak menyebelahi mana-mana pihak tetapi mereka ini sudah terkenal sebagai orang yang menyokong Pembangkang, kalau referee bolasepak mereka ini adalah referee berat sebelah. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-pertua, kalau dilihat dari segi hasil yang di buat oleh Badan Pemerhati Pilihanraya ini maka kita dapati bahawa rumusan ini datangnya bukan dari orang yang bijak tetapi datang dari orang yang irihati terhadap Kerajaan yang dipercayai oleh rakyat dan Kerajaan yang telah berjaya memimpin rakyat ke arah keamanan, kestabilan dan kemakmuran. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, kata mereka ini ramai rakyat yang patut mengundi tetapi tidak dapat mengundi. Tetapi sebagai yang kita tahu, mereka yang tidak boleh mengundi bukan terdiri dari parti Pembangkang sahaja. Di kawasan saya orang-orang UMNO yang patut mengundi saya lebih kurang 2,000 orang yang tidak dapat mengundi. Adakah ini juga disalahkan Kerajaan? Mengundi adalah kewajipan pengundi, adalah tanggungjawab masyarakat untuk memastikan bahawa mengundi adalah satu hak mereka untuk memilih Kerajaan yang dipercayai menjamin masa depan mereka dan anak-anak cucu mereka. Pihak Kerajaan ataupun parti-parti politik hanyalah dapat menolong memudahkan masyarakat menggunakan kesempatan ini. Adalah tidak bijak jika orang tidak mengundi parti yang menang pula yang disalahkan.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut rumusan yang kedua kononnya sistem pengiraan undi di tempat mengundi menakutkan pengundi. Kalau dibandingkan cara menjalankan pilihanraya yang lepas-lepas dengan yang baru lalu maka kita dapati cara pilihanraya yang baru lalu adalah yang paling terbaik.

Pertama, keputusan kita dapat dengan cepat.

Kedua, polis dengan senang menjaga ketenteraman oleh sebab penyokong-penyokong parti tidak berkumpul di pusat-pusat di mana kiraan terakhir dibuat.

Ketiga, kita hanya tahu sesuatu peti undi itu kalah atau menang tetapi kita tidak tahu secara individu siapa yang menyokong kita atau yang membangkang. Pihak DAP yang menerima rumusan Election Watch ini mengatakan bahawa dengan cara ini Kerajaan memaksa anggota-anggota Polis dan Tentera mengundi Kerajaan. Tadi ada tambah pula daripada Yang Berhormat dari PAS pun kata begini juga. Ini adalah suatu tohmah dan fitnah yang merendahkan maruah anggota-anggota Polis dan Tentera.

Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak Pembangkang menganggap pihak Polis dan Tentera seolah-olah tidak dapat membuat pilihan sendiri? Adakah pihak DAP menganggap pihak Polis dan Angkatan Tentera akan berdiam diri jika sekiranya mereka ini dipaksa? Untuk makluman pihak Pembangkang, kawasan pilihanraya saya daripada undi pos yang terdiri daripada Angkatan Tentera terdapat 1,323 orang yang mengundi Barisan Nasional dan 398 orang yang mengundi PAS. Hingga sekarang tidak ada seorang pun daripada 398 orang yang mengundi PAS ini yang dibuang kerja ataupun ditukar ke mana-mana. Kalau tidak percaya, tanya Menteri Pertahanan. Pendek kata, kita tidak tahu pun siapa yang mengundi Kerajaan dan siapa yang tidak.

Satu lagi tuduhan Ketua Pembangkang ialah Kerajaan menggunakan suratkhobar Cina untuk menakutkan orang Cina dengan peristiwa 13 Mei. Saya ingin tanya pihak Pembangkang di manakah lojiknya tuduhan ini sebab kebanyakan masyarakat Cina yang membaca suratkhobar Cina mengundi Pembangkang. Siapa yang

takut ini? Kalau takut mesti mereka mengundi Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya Barisan Nasionallah yang menuduh Pembangkang menggunakan suratkhobar Cina tetapi sebelum kita menuduh mereka, mereka cepat-cepat menuduh kita. Ini sifat Pembangkang. Malam-malam mereka berak di tengah jalan, pagi-pagi mereka tuduh orang. *(Tepuk)*

Tuan Yang di-Pertua, di dalam perbahasan ini juga saya dapati pihak Pembangkang sentiasa mengungkit-ungkitkan tentang 48% . . . .

**Tuan Lau Dak Kee:** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Nanti sekejap. Ipoh bangun.

**Tuan Lau Dak Kee:** Saya hendak minta penjelasan tentang suratkhobar Cina ini. Itu sahaja, boleh?

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Yang di-Pertua, saya ada banyak lagi ini, nanti sekejap lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat dari Ipoh, dia tidak beri.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Yang di-Pertua, di dalam perbahasan ini juga saya dapati pihak Pembangkang sentiasa mengungkit-ungkitkan tentang 48% jumlah keseluruhan orang-orang yang mengundi mereka, kononnya Kerajaan sekarang ini disokong oleh 52% sahaja daripada pengundi-pengundi. Untuk makluman pihak Pembangkang, 48% yang diungkit-ungkit itu adalah terdiri daripada orang-orang bandar seperti di Tanjong, di Jelutong, di Ipoh, di Kota Melaka, di Bandar Kuala Lumpur dan lain-lain lagi yang terdiri daripada pengundi-pengundi yang membaca suratkhobar Cina. Sungguhpun Harakah

dan Watan juga kuat berkempen untuk Pembangkang di kampung-kampung dan di luar bandar, tetapi orang-orang kampung tahu berterima kasih dan tahu membalas budi . . . .

**Tuan Lau Dak Kee:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat dari Ipoh bangun lagi.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Nanti sekejap.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Dia tidak beri.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** . . . . Lagi pun di dalam 48% itu termasuk juga orang-orang Barisan Nasional yang tidak dapat menjadi calon menolong berkempen di sebelah Pembangkang, bukan kerana menyokong Pembangkang tetapi cuma sekadar membalas dendam kerana beliau tidak terpilih.

Ketiga, selain daripada itu ada juga calon-calon Barisan Nasional yang kita tersalah pilih dan yang tidak diterima oleh pengundi, ini membuat pengundi-pengundi menunjukkan protest vote, dengan izin. Bukan kerana mereka menyokong Pembangkang, bukan kerana mereka tidak menyokong Kerajaan tetapi sebab peribadi calon, maka pihak Pembangkang mengambil kesempatan. Jadi, pengundi-pengundi yang berikut adalah termasuk juga dalam 48% itu.

Sebenarnya, kiraan peratusan yang sebenar ialah Barisan Nasional 70.6% (*Tepuk*), DAP 11.1%, PBS 7.8%, Semangat 46 (S 46) 4.4%, PAS 3.9% dan BEBAS di Sarawak 2.2%. Saya rasa ini perlu dijelaskan kepada rakyat, sebab pihak Pembangkang ini tidak berapa pandai untuk mengira sesuatu yang menguntungkan orang lain. (*Tepuk*) Mereka hanya pandai mengira dengan menguntungkan diri sendiri . . . .

**Tuan Lau Dak Kee:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, nanti sekejap. Ipoh bangun lagi!

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Jangan ganggu saya, banyak lagi ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Teruskan.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Mereka hanya pandai mengira dengan menguntungkan diri mereka sahaja. Kita fahamlah mereka ini kalau berniaga pun begini, kalau memerintah pun sama, hanya memikirkan untuk diri sendiri sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat sifat Pembangkang ini kita akan dapati mereka selalunya berkata hitam jika sekiranya sesuatu yang putih dibuat oleh Kerajaan. Boleh dikatakan apa yang dibuat oleh Kerajaan dianggap sebagai tidak baik. Oleh yang demikian, apabila Ketua Pembangkang mengatakan pilihanraya yang baru lalu itu adalah pilihanraya yang paling kotor di dalam sejarah, ini bermakna pilihanraya yang lepas adalah yang paling bersih. Sebab itulah Pembangkang dapat berada di hadapan sana dengan senang-lenang mengambil kesempatan amalan demokrasi yang Kerajaan Barisan Nasional berikan untuk memaki-hamun pihak Kerajaan.

Saya percaya kalau mereka berada di sebelah sini dan memerintah, sudah tentu Pembangkang-pembangkang mereka, iaitu terdiri daripada kami semua ini tidak akan berada di sebelah sana, tetapi berada di pusat-pusat tahanan yang lebih dahsyat lagi. Mereka ini patut bersyukur, patut berterima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional yang sentiasa mengamalkan demokrasi yang tulen . . . .

**Tuan Lau Dak Kee:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Nanti sekejap. Ipo bangun lagi.

**Tuan Lau Dak Kee:** Last sekali, hendak beri, berilah.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Banyak lagi ini, nanti habis saya beri.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Dia tidak beri.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Oleh sebab amalan Kerajaan inilah maka pihak Pembangkang terlalu melampau hingga sanggup membuat fitnah, tohmah, membohong rakyat dengan tidak mengambil kira apa yang akan terjadi kepada negara ini. Selama ini saya tidak pernah melihat lagi perkara yang dibuat oleh Kerajaan yang disokong oleh mereka hinggalah apabila Yang Berhormat Menteri Kewangan membentangkan suatu Belanjawan yang boleh dikatakan 'the best', dengan izin, Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa mengatakan bahawa ini hanyalah atas kertas sahaja dan akan menguntungkan buaya-buaya ganas dan lintah-lintah darat yang menghisap darah rakyat.

Inikah orang alim yang mempunyai niat dan hati yang tidak baik terhadap orang lain (*Tepuk*). Cakap bukan main sedap, berselindung di sebalik ayat-ayat Quran yang suci, tetapi mempunyai hati yang kurang bersih. Apakah salahnya jika niat Kerajaan yang baik untuk kebaikan rakyat disokong dengan doa semoga berjaya, tetapi tidak, sentiasa berdoa semoga tidak berjaya. Dan bila tidak berjaya, mereka akan menanggung di air keruh menuduh Kerajaan yang bukan-bukan semoga rakyat membangkang Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa ini juga saya tunggu dia ada di dalam Dewan ini tetapi dia keluar juga. Sebab itu

semalam saya tidak bercakap, bila dia keluar, saya pun keluar. (*Ketawa*) Hari ini dia keluar juga, tetapi dia dengar di luar itu. Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa ini juga telah bertanya untuk apa Usul Agama diadakan di dalam Persidangan Perwakilan UMNO? Katanya, apa perlu dibahas masalah agama kalau agama kita tidak sanggup untuk mematuhi, kalau agama tidak menjadi pakaian dan selindang hidup kita. Itu kata Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

Pada hari itu Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa tidak memberi peluang kepada ahli-ahli dari UMNO meminta penjelasan. Beliau hanya membenarkan Presiden GERAKAN sahaja. Lepas itu pula dikatakan, nasib baik ada Presiden GERAKAN dapat menolong UMNO. Ini yang saya marah. Saya tidak faham kenapa Usul Agama tidak boleh diadakan. Kalau dalam keluarga sekalipun kalau seorang anak tidak mahu sembahyang, maka ibubapa perlu berbincang supaya anak itu tidak sesat. Itu adalah isu agama dalam keluarga.

Kalau di dalam masyarakat, Kerajaan atau UMNO selaku tunjang kepada parti yang memerintah perlu bincang jika sekiranya terdapat di dalam masyarakat ada yang sudah mula sembahyang di suatu tempat dengan dua imam. Ada yang menggunakan agama untuk kepentingan diri dan ada yang menggunakan perkataan Islam untuk kepentingan politik. Ini yang dibincangkan oleh UMNO, kisah manusia yang menyeleweng dari ajaran atau manusia yang cuba menghasut masyarakat membuat perkara yang salah.

Kita bukan bincang untuk mengurangkan waktu sembahyang. Kita bukan bincang untuk menghalalkan perkara-perkara yang haram. Kita bukan bincang untuk menentang hukum Allah, tetapi kita bincang kisah manusia yang menghasut, yang memfitnah dan

membuat tohmah-tohmahan hingga masyarakat Islam menjadi kelam-kabut. Inilah yang UMNO bincang di Perhimpunan. Dia tak ada hendak minta penjelasan, saya boleh beri.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, ada lima minit lagi.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Yang di-Pertua, lagi satu perkara penting yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Rantau Panjang yang menyatakan bahawa rakyat di Kelantan sudah hilang ketaatan kepada Kerajaan Pusat selepas sekian lama mereka menegur.

**Tuan Chian Heng Kai:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, nanti, Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tidak payahlah, ini kesah Kelantan. Itu Bukit Mertajam duduk dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Dia tidak beri, Yang Berhormat dari Bukit Mertajam, sila duduk.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Yang Berhormat dari Rantau Panjang yang mengatakan bahawa di Kelantan hilang ketaatan kepada Kerajaan Pusat selepas sekian lama menegur dan memberi pandangan, tetapi tidak dihiraukan oleh Kerajaan Pusat. Ini adalah satu pendapat yang salah. Yang Berhormat dari Rantau Panjang jangan tersalah anggap, jangan terlalu angkuh dengan kemenangan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua orang tahu bahawa kemenangan PAS di Kelantan bukan kerana PAS kuat, tetapi oleh sebab ada seorang anak Kelantan yang sudah tidak sabar menunggu giliran untuk menjadi

Perdana Menteri keluar dari UMNO dan menubuh satu parti dan membohong, memfitnah dan menggunakan bermacam cara termasuk Istana dengan tidak mempedulikan apa yang akan terjadi pada negara ini asalkan maksud dan cita-citanya tercapai. Kalau Yang Berhormat dari Rantau Panjang hendak tahu sebab parti serpihan inilah yang menyebelahi PAS maka PAS mendapat kemenangan. Dan kita semua tahu lagi sebagai untuk membalas budi baik, maka di Kelantan terpaksa dicipta satu jawatan baru iaitu Timbalan Menteri Besar Dua. Nasib baik DAP tidak kuat di Kelantan. Kalau tidak, sudah tentu ada Timbalan Menteri Besar yang ketiga (*Tepuk*).

Tuan Yang di-Pertua, niat Kerajaan untuk mewujudkan masyarakat pen-yayang, tidak akan berjaya selagi ada Pembangkang yang sentiasa menghasut rakyat dan membohong rakyat. Dahulu ada juga ahli Pembangkang yang rasional dari Bukit Bintang, yang patut diberi kepujian kerana di Dewan yang mulia ini, beliau selalu membuat kritik-kritik yang membina dan sentiasa memikirkan rakyat daripada dirinya sendiri. Tetapi apa telah terjadi padanya, mereka telah cari fasal sehingga dia resign, berhenti dan tarik diri dari politik.

**Tuan Liew Ah Kim:** (*Bangun*)

**Tuan Lau Dak Kee:** (*Bangun*)

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tidak usahlah, ini banyak lagi. Kelmarin dahulu Yang Berhormat dari Seputeh berucap . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Sila duduklah Yang Berhormat dari Ipoh.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Kelmarin dahulu apabila Yang Berhormat dari Seputeh berucap, beliau cuba menghasut MCA atau MIC, kononnya MP-MP UMNO sengaja tidak

memilih Yang Berhormat Dato' Seri S. Samy Vellu dan Dato' Seri Dr Ling Liong Sik menjadi Jawatankuasa CPA dan IPU. Ini pun hendak disalahkan kepada Perdana Menteri.

**Tuan Liew Ah Kim:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Sekejap, nanti sekejap. Seputeh bangun hendak apa?

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Perdana Menteri . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Duduklah, dia tidak beri jalan. Dia tidak beri jalan.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tidak usah kacaulah, banyak lagi ini. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Perdana Menteri tidak tahu pun bila pemilihan ini dibuat dan siapa yang dipilih, tetapi kita tahu tujuan yang sebenar mereka hendak timbulkan kemarahan di kalangan MCA dan MIC terhadap orang-orang UMNO. Inilah peranan pakar-pakar penghasut negara. (*Tepuk*) Semalam apabila Yang Berhormat dari Sungai Besi berucap, beliau hanya bercakap kisah tol dari awal hingga akhir. Apa yang dicakap dalam Dewan ini . . . .

**Tuan Tan Kok Wai:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ini dia, dia bangun.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Apa yang dia bercakap dalam Dewan ini, begitulah dia bercakap di luar. Oleh itu, saya minta . . . .

**Tuan Tan Kok Wai:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Sungai Besi!

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Saya tidak mahu beri, sudah banyak ini, duduk.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, teruskan sahaja.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Hendak tunjuklah itu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Teruskan sahaja.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Semalam apabila dia bercakap, dia cakap kisah tol dari awal hingga akhir. Ini saya minta Timbalan Menteri Dalam Negeri awas dia sedikit. Dia ini penghasut negara. Saya berharap parti-parti Pembangkang, terutama sekali DAP hendaklah sedar perbuatan yang mereka lakukan dan yang akan dilakukan . . . .

**Tuan Tan Kok Wai:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ada orang bangun.

**Tuan Tan Kok Wai:** Point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Siapa hendak bangkitkan point of order ini? Sungai Besi.

**Tuan Tan Kok Wai:** Sangkaan jahat.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Injury time.

**Tuan Tan Kok Wai:** 36(6).

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Sila duduk.

**Tuan Tan Kok Wai:** Duduk! duduk! duduk!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Saya akan buat keputusan 36(6) itu. Sebenarnya apa yang dikatakan tadi oleh Yang Berhormat dari Kota Setar cuma secara umum sahaja. Teruskan (*Tepuk*).

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Yang di-Pertua, saya harap parti-parti Pembangkang, terutama sekali DAP . . . .

**Tuan Lau Dak Kee:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dari Ipoh bangun lagi.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Allah. Injury time lagi.

**Tuan Lau Dak Kee:** Buat satu ruling sama ada penghasut negara - ini satu tuduhan yang serius. Kalau kita jadi penghasut negara, maka kita sudah kena tangkap lebih-lebih awal lagi. Mengapa kita ada di sini?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat...

**Tuan Lau Dak Kee:** . . . . begitu?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** . . . . sila duduk.

**Tuan Lau Dak Kee:** Saya minta Tuan Speaker buat satu ruling sama ini penghasut negara . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, jangan berhujah di sini.

**Tuan Lau Dak Kee:** . . . . boleh digunakan di sini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Saya akan buat keputusan. Sebenarnya, tadi pun Yang Berhormat dari Sungai Besi membangkitkan point of order yang sama. Jadi, keputusan itu telah dibuat dan saya ingin mengingatkan Yang Berhormat dari Kota Setar . . . .

**Tuan Lau Dak Kee:** Ah! Tuan Speaker berpihak.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** . . . . sila gulung secepat mungkin dan jangan mengkhhususkan sebarang sangkaan kepada ahli-ahli yang berkenaan.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah lama dengar mereka dengan pedih telinga-telinga, mereka kata lebih dahsyat lagi daripada saya. (*Tepuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Masa berjalan.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Yang di-Pertua, saya harap parti-parti Pembangkang, terutama sekali DAP hendaklah sedar bahawa perbuatan yang mereka lakukan dan yang akan dilakukan itu akan merosakkan jenarasi yang akan datang dan akan melingkupkan negara seperti yang kita selalu melihat di kaca TV, keadaan yang berlaku di Lebanon dan setengah negara-negara di Afrika. Tujuan Kerajaan hendak mewujudkan masyarakat penyayang bukan sahaja untuk mengambil berat kepada orang-orang cacat, orang tua, kanak-kanak miskin atau anak-anak yatim piatu. Kita mahu sifat penyayang bermula dari rumah di mana sesuatu keluarga itu hidup aman dan berkasih sayang satu sama lain. Di kampung-kampung, masyarakat kampung hidup dengan aman dan makmur dengan hormat-menghormati di antara satu dengan lain, tidak berlaku berpuak-puak hingga jika seseorang dari satu puak itu mati, puak yang lain tidak datang menziarahi. Tidak berlaku sembahyang di satu masjid dengan dua imam. Tidak berlaku sesuatu kampung yang mempunyai dua madrasah yang berhampiran. Di bandar-bandar pula kita inginkan masyarakat yang berbilang kaum menghormati satu sama lain.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, masa sudah cukup.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** . . . menolong dan bersimpati tanpa mengira kulit.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Masa sudah cukup.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Allah, injury time, sedikit lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Tidak boleh, itu tidak diizinkan, injury time.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Menggulung.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Masa sudah cukup. Sila duduk.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya pohon menyokong. (*Ketawa*).

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Rompin.

5.18 ptg.

**Dr Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis (Rompin):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut untuk mengambil bahagian dalam perbincangan Perbelanjaan ini. Sesungguhnya Belanjawan 1991 yang telah dibentangkan baru-baru ini mempunyai banyak keistimewaan. Pertama, ia merupakan Belanjawan tahun permulaan dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Keenam. Kedua, ia juga merupakan Belanjawan untuk tahun pertama dalam rangka masa panjang yang kedua dan juga ia merupakan pembuka tirai kepada pelaksanaan dasar ekonomi negara selepas 1990. Oleh itu, wajarlah kita memberikan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan kerana telah berjaya membentangkan satu perbelanjaan yang telah menjaga kepentingan rakyat dan juga memastikan faedah pembangunan negara dapat dinikmati oleh segolongan secara adil dan saksama.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Belanjawan tahunan negara sememangnya merupakan satu kenyataan falsafah ekonomi dan satu penunjuk terhadap kepimpinan Kerajaan. Oleh kerana itu ia memberi kesan terhadap berbagai lapisan rakyat. Tidak hairanlah dapat kumpulan-kumpulan termasuk pihak Pembangkang yang akan meneliti Belanjawan itu dengan penuh kritik setiap kali ianya dibentangkan. Pihak Pembangkang, terutamanya DAP tentu akan hanya menonjolkan keburukan-keburukan walau bagaimana baikpun Belanjawan yang telah dibentangkan.

Kita perlu meneruskan usaha-usaha untuk mengekalkan kejayaan yang dicapai dan bersedia untuk menghadapi masa depan yang lebih mencabar. Ini adalah kerana scenario ekonomi negara dalam beberapa tahun nanti akan menampakkan ciri-ciri ketidaktentuan ataupun, dengan izin, uncertainty yang sejak akhir-akhir ini menjadi semakin ketara. Ini adalah sebab antara lain oleh pertumbuhan ekonomi awam yang semakin menurun dan krisis Teluk yang terus-menerus berpanjangan.

Juga kegagalan yang dialami dalam perundingan Perdagangan GATT boleh memperketatkan lagi keadaan perdagangan antarabangsa melalui pembinaan tembuk-tembuk yang akan menghalang perdagangan secara bebas.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perbincangan baru-baru ini golongan-golongan tertentu telah memutar belitkan hakikat yang sebenar yang mengatakan bahawa Belanjawan 1991 adalah berat sebelah. Kononnya ia hanya menguntungkan segolongan masyarakat sahaja terutama dikatakan masyarakat luar bandar.

Perlulah diingatkan walaupun peruntukan sejumlah \$6,000 juta telah disediakan untuk di kawasan di luar bandar, penduduk-penduduk di sana

akan hanya memperolehi faedah-faedah secara tidak langsung melalui pembinaan jalanraya, sekolah-sekolah, hospital-hospital dan infrastruktur atau prasarana-prasarana yang lain. Ini pun hasil secara langsung dari pembinaan prasarana tersebut akan turut dinikmati oleh masyarakat bandar melalui kontrak-kontrak pembinaan dan pembekalan alat-alat yang digunakan dalam pembinaan tersebut.

Oleh itu sudah jelas walaupun peruntukan-peruntukan dikeluarkan untuk pembinaan jalan, namun demikian manfaat-manfaat juga telah diterima oleh mereka yang tinggal di dalam bandar. Ini termasuklah faedah-faedah yang diperolehi seperti perkembangan rangkaian-rangkaian perniagaan mereka yang akan menjadi lebih senang untuk membesarkan perniagaan mereka di luar-luar bandar.

Sesungguhnya sekiranya diteliti secara halusi masyarakat yang berada dan yang tinggal di dalam bandar juga memperolehi daripada peruntukan-peruntukan yang telah dikeluarkan untuk masyarakat di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya ingin mengambil kesempatan pada petang yang mulia ini untuk memberi sedikit pandangan tentang corak agihan peruntukan Belanjawan dari segi kesan dan manfaat kepada kemajuan ekonomi masyarakat Melayu dan kaum bumiputera.

Sebagaimana yang dinyatakan Belanjawan 1991 belum lagi mengambil kira projek-projek Rancangan Malaysia Yang Keenam khususnya dan dasar-dasar baru ekonomi negara selepas 1990. Saya berharap Kerajaan sedia mengubahsuaikan pelaksanaan program-program yang terkandung yang baru dibentangkan ini dan menambahkan jumlah peruntukannya secara yang munasabah apabila projek-projek baru Rancangan Malaysia Yang Keenam dipertimbangkan kelak bersama dengan dasar-dasar baru selepas tahun 1990.

Saya yakin bahawa perkara ini amat penting kerana Belanjawan 1991 kita anggap sebagai pengasas kepada tindakan dan pendekatan Kerajaan bagi tahun-tahun seterusnya. Sesungguhnya Kerajaan telah mengambil satu jalan yang begitu berani menerusi Belanjawan ini untuk terus menggerakkan sektor-sektor ekonomi negara berlandaskan inisiatif rakyat amnya dan sektor swasta khususnya. Sesungguhnya trend ini boleh dianggap sebagai tahap transformasi pembangunan yang mencabar dan berharap pihak swasta khususnya dan syarikat-syarikat yang telah, dengan izin, established akan benar-benar menyambut seruan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya seterusnya ingin menyentuh sedikit tentang peranan sektor awam. Sebagaimana yang secara umum dimaklumi, Kerajaan sebagai sektor awam telah memainkan peranan yang besar di bawah DEB untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Setelah tamat 20 tahun Dasar Ekonomi Baru (DEB), Kerajaan sendiri mengakui bahawa penglibatan masyarakat Melayu dan bumiputera dalam arus perdana ekonomi negara perlu dipertingkatkan. Oleh itu Belanjawan 1991 sebagai pembuka tirai kepada dekad 1991 semestilah juga dilihat dalam konteks meningkatkan lagi keupayaan dan pencapaian ekonomi masyarakat bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Belanjawan baru-baru ini kita telah melihat bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan telah mencadangkan sejumlah yang besar untuk maksud pengurusan negara. Sebenarnya dalam jumlah besar pengurusan ini terkandung banyak komponen-komponen yang mempunyai kesan pembangunan yang penting yang perlu diberi perhatian.

Dalam hubungan ini saya ingin menarik perhatian agar Kementerian-kementerian utama dan agensi-agensi di bawahnya yang berkaitan dengan matlamat pembangunan ekonomi

bumiputera agar memulakan satu rangka program bertindak yang sistematik dalam membelanjakan peruntukan mengurus ini ke arah yang dapat mempertingkatkan lagi peluang-peluang perniagaan, bimbingan dan latihan serta perundingan kepada bakal-bakal usahawan dan peniaga-peniaga bumiputera dalam usaha mereka menyahut seruan Kerajaan untuk bertindak ke arah menjadi sebuah masyarakat perdagangan dan perindustrian yang moden, berkualiti dan beramanah.

Kita sudah semestinya percaya bahawa unit-unit kumpulan bertindak ini akan dapat mempertingkatkan lagi peluang-peluang yang boleh diberi kepada kumpulan-kumpulan ini.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah sebanyak \$94,000 juta yang dicadangkan untuk pembangunan belum mengambil kira lagi keperluan membiayai projek-projek baru di bawah Rancangan Malaysia Keenam. Saranan kita ialah agar ia menimbang untuk menambah dengan lebih berkesan lagi jumlah peruntukan untuk pembangunan khususnya untuk sektor-sektor yang berhubung secara langsung dengan kepentingan masyarakat luar bandar agar taraf hidup mereka dapat dipertingkatkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya ingin menyentuh ialah tentang peranan agensi-agensi Kerajaan. Agensi-agensi seperti FELDA, RISDA dan lembaga-lembaga kemajuan wilayah seharusnya juga memulakan langkah untuk mempertingkatkan lagi penyertaan bumiputera di dalam program-program dan aktiviti di dalam Kementerian masing-masing. Terdapat bukti-bukti yang jelas di mana perlu kita memikirkan satu pendekatan yang lebih menyeluruh bagi mempertingkatkan lagi peranan agensi-agensi ini untuk mempertingkatkan penyertaan kaum bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya ingin menyentuh di dalam ucapan saya pada petang ini ialah tentang struktur dan organisasi ekonomi bumiputera. Saya menyanjung tinggi pendekatan dan usaha-usaha Kerajaan sepanjang 20 tahun yang lalu yang telahpun mencapai berbagai kemajuan di kalangan masyarakat bumiputera dan memberi berbagai manfaat kepada masyarakat yang bukan bumiputera yang turut juga mendapat manfaat yang sama. Walaupun begitu jurang ketidakseimbangan di antara bumiputera dan bukan bumiputera masih lagi wujud. Contohnya, ketidakseimbangan ini masih lagi ketara dalam perkara-perkara seperti kemiskinan, pemilikan ekuiti, penglibatan mereka masih lagi dalam sektor yang kurang berdaya maju dan juga rangkaian-rangkaian ekonomi mereka yang masih di sikap sebagai pinggir.

Setelah kita melihat bahawa ketidakseimbangan ini eloklah, Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan yang ada pada petang ini untuk mencadangkan beberapa cadangan untuk memperkukuhkan lagi tentang ekonomi bumiputera. Pertama, saya ingin mencadangkan agar peluang-peluang pertumbuhan ekonomi hendaklah diagihkan secara yang saksama di antara bumiputera dengan bukan bumiputera. Tanggungjawab pengagihan ini tidak seharusnya menjadi tanggungjawab Kerajaan semata-mata. Tanggungjawab ini hendaklah dipegang bersama oleh sektor swasta yang merupakan jentera utama pertumbuhan ekonomi yang menjanakan sebahagian besar peluang-peluang itu dan yang sentiasa mendapat insentif, perlindungan dan dorongan yang kurang bertambah dari Kerajaan sebagaimana yang dapat kita lihat dalam Belanjawan tahun ini.

Sektor swasta yang meliputi pelabur-pelabur asing hendaklah mengagih peluang-peluang kontrak dan bekalan dan agensi pengaliran dan pemasaran

yang terbit daripada operasi mereka dengan cara yang lebih saksama di antara bumiputera dan bukan bumiputera.

Keupayaan bumiputera dalam bidang ekonomi hendaklah juga dipertingkatkan supaya mereka dapat mengambil peluang tersebut dan dapat menjalankan perniagaan mereka dengan jayanya. Peningkatan keupayaan ini meliputi peningkatan keusahawanan, pengurusan dan kemahiran ikhtisas dan teknikal serta peningkatan sumber-sumber sokongan perniagaan seperti pembiayaan dan pemasaran.

Masyarakat bumiputera juga hendaklah menyertai sektor-sektor ekonomi perdana, dengan izin, mainstream economy, dengan sepenuhnya. Sektor-sektor perdana seperti pembuatan, pengedaran dan perdagangan antarabangsa akan menjadi tunjang ekonomi negara. Ianya mewujudkan banyak peluang pekerjaan dan perniagaan baru dan ia mempunyai nilai tambahan ataupun, dengan izin, value added yang tinggi.

Masyarakat bumiputera hendaklah diberi latihan supaya mereka ini dapat menyertai bidang-bidang yang dikatakan tinggi dari segi value addednya.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya ingin mengambil kesempatan ialah dari segi aspek penswastaan. Dari sudut pandangan penswastaan adalah merupakan strategi yang dilihat sebagai berlawanan dengan DEB yang dilancarkan dengan tujuan untuk menggalak dan mengarahkan pertumbuhan ekonomi menerusi pelaburan Kerajaan dengan menggunakan perusahaan awam. Sebaliknya Kerajaan melihat bahawa penswastaan merupakan penyambungan dari DEB dan dilakukan dengan tujuan untuk menyusun semula pemilikan ekuiti.

Tuan Yang di-Pertua, penswastaan ini menimbulkan beberapa isu yang perlu diambil perhatian. Isu mengenai penswastaan di Malaysia boleh dilihat dari beberapa perkara. Dari segi peningkatan ekuiti, kita menyarankan supaya di dalam penswastaan, Kerajaan memastikan supaya penyertaan bumiputera di dalam bidang ini dapat dipertingkatkan seperti yang dilaksanakan sepanjang ini. Dan dari segi pekerjaan pula, syarikat-syarikat yang telah diswastakan diharap dapat memastikan bahawa penyertaan pekerjaan bidang tenaga dapat dipastikan di semua peringkat syarikat-syarikat yang telah diswastakan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang terakhir yang saya ingin sentuh ialah tentang R & D ataupun penyelidikan. Kita boleh berbangga dengan kejayaan untuk membangunkan perindustrian di negara kita dengan pesatnya melalui strategi dan pendekatan yang baik. Inisiatif Kerajaan menggalakkan pelaburan modal adalah strategi yang baik untuk perindustrian negara. Pelaburan modal asing bukan sahaja memindahkan modal tetapi juga membawa bersamanya berbagai-bagai sumber pengurusan seperti teknologi dan teknik untuk pengeluaran, pengetahuan mengenai pengurusan korporat dan pengurusan teknikal. Disebabkan teknologi pengeluaran selalunya disokong oleh kemahiran buruh, syarikat-syarikat akan cuba sedaya upaya untuk melatih pekerja-pekerja mereka untuk meningkatkan tahap kemahiran dan produktiviti. Walau bagaimanapun, dalam dekad 90an, usaha Malaysia mestilah bergerak ke arah menjadi negara perindustrian agar kita dapat bersaing dengan negara-negara maju. Untuk kita bergerak ke arah matlamat ini, kita tidak boleh bergantung kepada, dengan izin, transfer atau imported technology sahaja atau teknologi asing. Kita perlu mempunyai teknologi kita yang tersendiri buatan Malaysia. Kita patut secepat mungkin mengeluarkan barangan industri yang

berasaskan teknologi tempatan. Oleh itu, pada peringkat awal, penekanan yang seharusnya mestilah diberikan untuk menentukan terdapatnya perseimbangan di antara kemahiran dan teknologi tempatan dan teknologi yang diimport. Dan secepat mungkin kita harus menerokai sendiri bidang ini supaya kita tidak terus bergantung kepada teknologi yang diimport demi pembangunan perindustrian dalam jangka masa panjang.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mencapai tujuan tersebut bukanlah suatu proses yang mudah. Di sini izinkan saya mencadangkan beberapa perkara yang perlu dan dapat dipertimbangkan oleh Kerajaan untuk menuju ke arah tersebut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, minta gulung ya.

**Dr Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis:** Ya. Insentif tertentu dan cukai yang baru dikemukakan oleh Kerajaan dialu-alukan dan diharapkan supaya di masa-masa akan datang dapat dipertingkatkan. Juga disarankan supaya institusi pengajian tinggi perlu menekankan kepada R & D untuk pembangunan industri, dengan izin, applied research dan bukan pure research. Akhirnya penekanan kepada R & D seharusnya juga diberi kepada industri baru yang berpotensi dan bukan industri, dengan izin, sunset. Malaysia perlu mengadakan satu model atau pendekatan R & D yang khusus, misalnya dalam bidang teknologi informasi, atau, dengan izin, information technology. Badan penyelidik sama ada universiti atau badan lain perlulah membuat perancangan untuk mempertingkatkan lagi keupayaan Malaysia dalam bidang teknologi industri computer software. Sekarang ini misalnya semua, dengan izin, software yang digunakan di negara ini adalah diimport. Negara kita sudah mempunyai pakar-pakar yang boleh menterokai dalam bidang ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekian dan saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas peluang yang diberi kepada saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Klang.

*5.37 ptg.*

**Tuan Fong Kui Lun (Klang):** Tuan Yang di-Pertua, sebagai ucapan sulung Belanjawan 1991 saya di Dewan yang mulia ini, saya ingin melahirkan rasa kesal tentang Belanjawan 1991 yang lebih mementingkan orang kaya dari orang yang tidak berada.

Yang Berhormat Menteri Kewangan telah menyatakan lima strategi dalam Belanjawan 1991 ini tetapi seumpama cerita lama diberikan nafas baru, lagu lama diberikan tempo masa kini. Apa yang kita lihat dari tahun ke tahun kadar cukai berubah, setiap tahun naik itu sedikit, turunkan yang ini sedikit dengan hasrat hendak menolong orang-orang miskin, tetapi yang lebihnya menikmati orang kaya dan golongan berpendapatan tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, apakah selama ini masyarakat Malaysia yang terdiri dari berbagai kaum ini tidak penyayang, tidak ada rasa simpati sesama rakyat, tidak ada sikap tolong menolong atau bantu membantu, maka perlu dipupuk menerusi Belanjawan Negara. Apakah sumbangan peruntukan \$20 juta bagi Yayasan Kebajikan Negara, pelepasan cukai sebanyak \$1,000 untuk anak-anak cacat dan \$1,000 untuk belanjawan perubatan orang-orang tua sudah cukup digelar masyarakat penyayang? Masyarakat penyayang hanya boleh dilahir dan dipupuk dari pihak atasan sendiri yang tidak berbelah bahagi memberikan layanan dan bantuan kepada golongan bawahan dan miskin. Apabila Kerajaan yang memerintah tidak melakukan eksploitasi ke atas Pembangkang dan para penyokongnya, apabila pegawai dan kakitangan

Kerajaan di semua peringkat sanggup membantu rakyat yang tidak faham atau buta huruf tatkala mereka datang mengadu ke pejabat.

Tuan Yang di-Pertua, bukanlah cara menghalau atau menyuruh mereka pergi tanpa bantuan yang permintaan mereka harus dilayani dengan senyuman, menyebabkan mereka terpaksa berjumpa Ahli-ahli Pembangkang setelah tidak dipedulikan oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, setiap tahun Kerajaan berazam hendak meningkatkan atau mengekalkan pertumbuhan ekonomi hendaklah mengawal kenaikan harga, membaiki imbangan pembayaran, hendak meningkatkan penyelidikan dan pembangunan serta kemahiran tenaga kerja, tetapi azam tinggal azam sahaja. Kalau kita mengamati ucapan Belanjawan Yang Berhormat Menteri Kewangan baru-baru ini secara tidak langsung Kerajaan sudah memberi peringatan atau amaran kepada rakyat jelata bahawa Kerajaan tidak akan terus memberi subsidi kepada barang-barang pengguna kerana subsidi akan membebankan Kerajaan pada masa akan datang termasuk barangan petroleum jika ekonomi negara semakin mundur akibat pergolakan di kawasan Teluk.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah memperingatkan rakyat negara ini bahawa mereka mestilah menerima hakikat paras pasaran minyak dunia masa kini dan jangan lagi mengharap subsidi akan terus diberikan oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, saya mengakui bahawa Belanjawan ini memberi sedikit kelonggaran kepada rakyat seperti cukai pembangunan dikurangkan menjadi 3%, menurunkan kadar cukai pendapatan dari serendah-rendah 4% kepada setinggi-tinggi 35%. Taksiran pelepasan cukai untuk isteri, lima orang anak termasuk anak cacat dan belanja rawatan

perubatan bagi ibu-bapa juga diberikan pelepasan bagi sumbangan kepada KWSP (Kumpulan Wang Simpanan Pekerja) dan insurans secara berasingan.

Tuan Yang di-Pertua, akan tetapi saya ingin mencadangkan alangkah baiknya jika cukai pembangunan dihapuskan terus, pelepasan cukai individual juga diberikan kepada pembayar cukai seperti yang ada sekarang, \$5,000 dinaikkan menjadi \$8,000. Cukai perkhidmatan dikurangkan dari 5% ke 3% bagi menggalakkan pelancongan ke negara ini dan cukai jualan dikurangkan lagi supaya pengguna-pengguna boleh membeli barangan pada harga yang lebih murah.

Tuan Yang di-Pertua, Artikel 152 1(b) Perlembagaan Persekutuan ada memperuntukkan proviso bahawa "tiada apa-apa jua dalam Fasal ini boleh menyentuh hak Kerajaan Persekutuan atau hak mana-mana Kerajaan Negeri bagi memelihara dan meneruskan penggunaan dan pengajian bahasa mana-mana kaum lain dalam Persekutuan." Ini bermakna Artikel ini memberi kuasa Kerajaan Persekutuan dan Negeri mengadakan peruntukan tahunan kepada sekolah-sekolah menengah persendirian Cina seperti mana-mana sekolah bantuan Kerajaan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perhubungan ini saya ingin menarik perhatian Menteri Pendidikan tentang keadaan yang berlaku di sekolah-sekolah menengah persendirian Cina dalam kawasan saya iaitu Sekolah Menengah Persendirian Cina Hing Hua yang mempunyai 700 murid; yang kedua, Sekolah Menengah Persendirian Cina Hing Hua yang mempunyai 1,600 orang murid; yang ketiga Sekolah Menengah Persendirian Cina Kwong Hua yang mempunyai 400 orang murid; dan keempat, Sekolah Menengah Persendirian Cina Chong Hua yang mempunyai 900 orang murid. Sekolah-sekolah ini yang mendapat pembiayaan selama ini menerusi yuran-yuran dan

derma orang ramai dan sumber-sumber ini pastilah tidak mencukupi bagi menyediakan pendidikan yang sempurna kepada murid-murid.

Tuan Yang di-Pertua, walau pun Perdana Menteri sebelum Pilihanraya Umum lalu telah memperuntukkan sebanyak \$300,000 untuk keempat-empat buah sekolah ini, tetapi jumlah ini tidak mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan ini, saya suka menyeru Menteri Pendidikan supaya mengadakan peruntukan tahunan sejumlah \$200,000 untuk setiap sekolah yang saya sebutkan tadi tanpa mengenakan apa-apa syarat. Untuk makluman, sekolah ini banyak melahirkan guna tenaga untuk kilang-kilang perusahaan di sekitar daerah Kelang dan berjaya mengadakan pekerja mahir.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan masalah kekurangan kemudahan awam dalam kawasan saya khususnya di Pulau Carey yang luasnya lebih kurang Pulau Singapura dan mempunyai penduduk seramai 6,000 orang. Adalah sangat malang sejak merdeka 33 tahun pulau tersebut hanya mempunyai dua buah telefon awam sahaja. Bayangkanlah bagaimana dua buah telefon awam mencukupi untuk digunakan oleh penduduk-penduduk untuk berhubung dunia luar atau tanah besar Semenanjung. Saya difahamkan banyak permohonan telah dibuat selama ini, tetapi permohonan ini hanya tinggal permohonan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ada baik jika pihak Kementerian yang berkenaan mengarahkan Syarikat Telekom Malaysia supaya menambahkan lagi telefon awam supaya menjadikan sekurang-kurangnya 30 buah telefon awam untuk memberi kemudahan kepada rakyat di sana.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia tentang

kejadian saya semasa berkempen dalam Pilihanraya Umum yang lalu. Pada waktu saya datang ke Pulau Carey saya telah dihalang oleh pihak ladang dari masuk ke ladang-ladang. Saya tidak diberitahu apa sebabnya, tetapi saya faham ini merupakan satu pencabulan hak Pembangkang untuk berpolitik secara bebas. Jika saya sebagai ahli politik, calon pilihanraya dan sekarang Wakil Rakyat kawasan tersebut tidak dibenarkan masuk melawat para pengundi di ladang-ladang, apatah lagi para pekerja yang disekat kebebasan dan kegiatan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, para pekerja pernah cuba mengadakan perayaan Hari Buruh dengan mengadakan pertunjukan pentas kebudayaan, tetapi mereka telah dihalang juga. Mereka semacam tidak bebas untuk bergerak dan menjalankan kegiatan secara sukarela dan acara kebudayaan. Apabila menyebut Pulau Carey yang luasnya hampir menyamai Pulau Singapura, tetapi dari segi kemudahan perhubungan dan pengangkutan contohnya para pekerja terpaksa berjalan kaki berbatu-batu untuk pergi ke satu tempat, saya ingin menggesa pihak Kementerian Sumber Manusia supaya mengeluarkan arahan kepada pihak ladang supaya menyediakan pengangkutan atau pun membenarkan kenderaan awam seperti bas, teksi dan bas sekolah beroperasi di situ bagi memberi kemudahan kepada penduduk-penduduk. Bukan ini sahaja, Pulau Carey harus dibangunkan dengan membina rumah-rumah yang lebih sesuai, kemudahan asas yang mencukupi seperti bekalan air yang bersih, bekalan elektrik dan kemudahan asas yang lain. Lebih banyak kompleks perniagaan dan pembukaan bandar-bandar baru di situ harus dibina supaya menjadi pulau yang maju.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan apabila beliau menyentuh bahawa jumlah kargo berkontena dan kargo am yang dikendalikan di

Pelabuhan Kelang dijangka akan terus meningkat pada kadar yang tinggi ekoran daripada perkembangan ekonomi negara yang pesat. Oleh itu menurut beliau, Kerajaan telah bersetuju supaya projek pembesaran pelabuhan barat di Pelabuhan Kelang diperluaskan skop dan dipercepatkan perlaksanaannya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai Wakil Rakyat di kawasan yang berkenaan saya mengalu-alukan langkah ini ke arah memberi kemudahan kepada para peniaga dan pengguna pelabuhan. Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan ini saya ingin menarik perhatian Menteri yang berkenaan tentang keadaan kontena yang berlonggok di pelabuhan. Pada masa ini hanya terdapat tiga buah syarikat swasta yang mengendalikan urusan pengangkutan dan membersihkan kargo-kargo yang diberikan lesen oleh Lembaga Perlesenan dan Kenderaan Perdagangan. Syarikat-syarikat itu ialah:

- (i) Syarikat Kontena Nasional.
- (ii) Sepadu Sendirian Berhad.
- (iii) Konsortium Perkapalan Berhad.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan jumlah kontena semakin bertambah misalnya suku tahun pertama tahun 1990, jumlah kontena meningkat dari sebanyak 88,786 t.e.u. atau 'traffic equivalent unit', dengan izinnya, kepada 111,192 t.e.u., iaitu pertambahan sebanyak 25.3% jika dibandingkan tempoh masa dalam tahun 1989. Sesuatu kontena terpaksa mengambil masa lebih dari lima hari untuk diangkut dan diserahkan kepada consignee, dengan izinnya, dan apabila melebihi lima hari pihak berkuasa pelabuhan akan mengenakan bayaran storage dan demurrage yang semakin bertambah setiap hari.

Tuan Yang di-Pertua, kesan dari kontena di simpan begitu lama dan dikenakan pula charge storage dan demurrage, dengan izin, kontena-

kontena yang akan lambat sampai ke tangan pengimport atau pembelinya, bukan sahaja peniaga-peniaga terpaksa membayar tambahan charge storage dan demurrage, dengan izin, tetapi syarikat-syarikat pengeluar akan mengalami keputusan bekalan dan menyebabkan kilang terpaksa diberhentikan sementara menunggu bekalan tiba. Dengan ini bekalan tidak dapat disediakan pada masanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya lesen haulage container dikeluarkan lebih banyak bagi memastikan perkhidmatan yang cekap dan memuaskan dapat diberi oleh swasta, syarikat-syarikat yang berupaya memberikan perkhidmatan yang baik sahaja patut diberikan lesen-lesen tersebut.

Akhirnya saya suka mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah memberi peluang kepada saya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua: Machang.**

*5.51 ptg.*

**Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan (Machang):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Assalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah di atas kejayaan Barisan Nasional di dalam pilihanraya yang lalu. Sepatutnya Barisan Nasional menyambut kemenangan dengan penuh rasa kesyukuran dan tanggungjawab. Tetapi apa yang berlaku adalah di sebaliknya. Walaupun Barisan Nasional telah menguasai Kerajaan Pusat dan 11 daripada 13 Kerajaan Negeri, Barisan Nasional telah bertindak seolah-olah di dalam keadaan panik dan cemas. Akibat daripada kekalahannya di Kelantan, banyak peruntukan pembangunan untuk negeri itu telah ditarik balik, subsidi

baja kepada petani miskin juga telah dihentikan. Ramai pegawai-pegawai Kerajaan telah ditukar semata-mata untuk membalas dendam terhadap rakyat Kelantan yang telah mengundi Angkatan Perpaduan Ummah. Yang menghairankan kita ialah mengapa pihak Barisan Nasional begitu ghairah untuk melepaskan dendamnya kepada rakyat Kelantan yang menyokong Pembangkang. Sedangkan majoriti penduduk Kuala Lumpur juga menolak Barisan Nasional dan menyokong Pembangkang. 4 daripada 7 Kerusi Parlimen di Kuala Lumpur telah dimenangi oleh DAP. Barisan Nasional khususnya UMNO mengambil sikap yang begitu gentleman terhadap penduduk Kuala Lumpur.

Walaupun sebahagian besar daripada penduduk Kuala Lumpur telah menolak Barisan Nasional, mereka tidak dihukum atau diambil sebarang tindakan balas dendam. Tiada peruntukan pembangunan di kawasan Kuala Lumpur yang dimenangi oleh Pembangkang telah ditarik balik, malahan lebih kerap pengundi Kuala Lumpur mengundi Pembangkang maka lebih pesat pembangunan Kuala Lumpur dilaksanakan. Kuala Lumpur telah terus dicurahkan dengan pelbagai kemudahan dan keistimewaan walaupun penduduknya menyokong Pembangkang. Pada hemat saya Barisan Nasional mengambil kesempatan di atas kekalahan di Kelantan untuk meneruskan dasar-dasar yang selama ini dilaksanakan iaitu mengabai dan mendiskriminasi negeri-negeri yang majoriti penduduknya terdiri daripada orang-orang Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, tahun ini kita diambang Rancangan Malaysia Keenam. Walaupun rancangan pembangunan Malaysia akan melangkah masuk ke angka enam, tetapi kadar kemiskinan di negara ini adalah tinggi. Kadar kemiskinan di negeri-negeri yang majoriti penduduknya terdiri dari orang-orang Melayu seperti Kedah, Kelantan,

Terengganu dan Perlis adalah lebih tinggi daripada negeri-negeri lain di Malaysia.

Saya bersetuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat dari Muar yang mengatakan bahawa kemiskinan yang melanda orang Melayu dan penduduk luar bandar adalah hasil daripada dasar penjajahan. Walaupun demikian, selepas 33 tahun kita merdeka, kita masih lagi menyalahkan penjajah terhadap nasib kita. Pada hakikatnya Barisan Nasionallah yang meneruskan dasar kolonial dengan mengabaikan negeri-negeri yang bermajoritikan orang Melayu dan kawasan-kawasan luar bandar yang sebahagian besarnya didiami oleh orang Melayu. Lebih daripada 80% rakyat miskin tinggal di luar bandar. Walaupun beribu juta ringgit dikatakan telah dibelanjakan untuk mengatasi masalah kemiskinan di Malaysia tetapi kadar kemiskinan masih lagi tinggi di Malaysia. Sebenarnya kegagalan rancangan membasmi kemiskinan di Malaysia adalah kerana sikap tidak bersungguh-sungguh Kerajaan di dalam usaha tersebut.

Kerajaan Barisan Nasional hanya berjanji di bibir mulut sahaja untuk membasmi kemiskinan tetapi hasrat sebenar Kerajaan adalah untuk mengekalkan kemiskinan di kalangan penduduk luar bandar khususnya di kalangan orang-orang Melayu. Dengan membiarkan orang-orang Melayu di kampung terus hidup dalam kemiskinan, Barisan Nasional akan terus dapat mengekalkan kuasa. Selagi orang-orang Melayu hidup dalam kemiskinan, selama itulah Barisan Nasional akan berkuasa. Orang-orang miskin lebih mudah dipengaruhi oleh wang ringgit dan mudah akur dengan tekanan pihak berkuasa dan kebanyakan mereka tidak berani untuk menentang kezaliman pihak berkuasa. Oleh itu sebahagian besar daripada penduduk yang bebas dari belunggu kemiskinan telah menolak Barisan Nasional dan menyokong Pembangkang.

Barisan Nasional tidak mampu untuk mengurung atau membasmi kemiskinan tetapi mereka enggan berbuat demikian kerana takut kehilangan kuasa.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengatasi kemiskinan dan pengaruh yang tinggi di negeri-negeri kurang maju dan kawasan luar bandar, adalah dicadangkan supaya dipercepatkan proses industrialisasi dengan mewujudkan sebanyak mungkin peluang pekerjaan di sektor industri. Buat masa ini sebahagian besar daripada pelaburan adalah tertumpu di negeri-negeri yang sudah maju seperti Selangor, Pulau Pinang, Johor dan Kuala Lumpur. Sudah sampai masanya bagi pihak Kerajaan khususnya Kementerian Perdagangan untuk menumpukan usaha bagi meningkatkan lagi program-program industrialisasi di negeri-negeri kurang maju.

Saya percaya Kerajaan memang mengetahui dan sedar mengapa negeri-negeri tersebut tadi amat kurang dari segi pelaburan. Kawasan-kawasan ini telah lama diabaikan. Di Kelantan, Terengganu, Perlis dan Kedah tidak ada satu pun pelabuhan atau sebuah lapangan terbang yang bertaraf antarabangsa. Kedua-dua kemudahan ini adalah faktor penting untuk menarik pelaburan. Manakala di dalam Industrial Master Plan pula, dengan izin, negeri-negeri tersebut telah dikenal pasti sebagai industrial mini corridor, manakala negeri-negeri yang maju di pantai barat dikenal sebagai, dengan izin, main corridor. Istilah mini corridor ini sudah cukup untuk menjauhkan dan untuk menumpukan keinginan para pelabur untuk melabur di negeri-negeri tersebut. Sudah pasti seorang peniaga akan memilih untuk berniaga di ruang utama daripada memilih untuk berniaga di kaki-kaki lima. Saya berharap sikap prejudis terhadap negeri-negeri yang disebutkan tadi dihapuskan di kalangan perancang dan pelaksana dasar perusahaan negara.

Saya mencadangkan supaya Kerajaan memberi dengan izin, locational incentives kepada para pelabur yang melabur di kawasan yang dikenal pasti sebagai mini corridor. Insentif ini adalah wajar kerana kawasan tersebut mengalami, dengan izin, locational disadvantages.

Adalah dicadangkan supaya Kerajaan memberi taraf perintis atau sekurang-kurangnya elaun cukai pendapatan (ECP) kepada semua pelabur yang melabur di kawasan negeri yang kurang maju, yang mengeluarkan barangan untuk eksport.

Kementerian Perdagangan dan MIDA perlu campur tangan dalam usaha mengagihkan pelaburan secara lebih saksama. Kerajaan perlu mendesak pelabur-pelabur tertentu supaya melabur di kawasan yang kurang maju.

Tuan Yang di-Pertua, sejak akhir-akhir ini sudah ada ura-ura untuk mengambil pekerja dari negara jiran untuk mengatasi kekurangan pekerja di beberapa buah negeri di dalam sektor industri. Adalah lebih wajar bagi Kementerian Perdagangan dan MIDA supaya menasihatkan para pelabur supaya melabur di negeri yang mempunyai kadar pengangguran yang tinggi daripada menempatkan industri masing-masing di negeri yang sukar untuk mendapatkan pekerja dan seterusnya mengimport pekerja asing.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini sebahagian besar daripada pekerja-pekerja kilang di Malaysia adalah terdiri daripada kaum wanita. Berbagai alasan telah diberi untuk mengelak daripada mengambil pekerja lelaki. Mereka lebih suka mengambil pekerja-pekerja wanita kerana wanita adalah lebih mudah dieksploitasi dan patuh kepada majikan. Oleh itu saya cadangkan supaya Kerajaan merangka satu dasar ataupun cara untuk menggalakkan industri-industri mengambil lebih banyak pekerja-pekerja lelaki.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh soal penswastaan. Penswastaan pula adalah satu gaya atau fesyen yang dimulakan di Barat, ditiru dan diikuti oleh Kerajaan kita. Tujuan tersurat penswastaan memang baik, iaitu meningkatkan kecekapan dan mengurangkan bebanan kewangan Kerajaan, manakala cara penswastaan yang utama ialah melalui dengan izin, divestiture ataupun menjual aset daripada pihak awam kepada pihak swasta.

Cara yang kedua ialah dengan memecahkan monopoli dan menghapuskan sekatan terhadap pihak swasta menyertai bidang yang dahulunya dimonopoli oleh perusahaan awam sahaja. Tujuan penswastaan tersebut adalah tujuan tersurat sahaja, tetapi tujuan sebenar penswastaan di Malaysia adalah jauh menyimpang daripada tujuan di atas. Penswastaan di Malaysia adalah bertujuan untuk membahagi harta karun ataupun durian runtuh. Contohnya, dua buah syarikat milik Kerajaan Kumpulan FIMA Sdn. Bhd. dan PREMBA Sdn. Bhd. telah diswastakan melalui, dengan izin, management buy out atau dijual kepada segelintir pihak pengurusan. Pihak pengurusan syarikat-syarikat tersebut dianggar mengaut keuntungan beratus juta ringgit hasil daripada penswastaan syarikat tersebut. Mereka menjadi multi millionaire dalam sekelip mata sahaja. Kedua-dua syarikat itu telah ditubuhkan selaras dengan dasar dan matlamat Dasar Ekonomi Baru untuk memiliki aset korporat bagi pihak bumiputera dengan menggunakan peruntukan Kerajaan. Malangnya, kedua-dua syarikat tersebut diswastakan dengan memberi keuntungan yang amat lumayan kepada segelintir individu sahaja. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan di masa hadapan semua public enterprise yang akan diswastakan dijual kepada PNB dan pekerja-pekerja syarikat-syarikat berkenaan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, kita akui bahawa kemudahan pelajaran khususnya di pusat-pusat pengajian tinggi di negeri kita ini adalah baik setanding dengan setengah-setengah negara yang maju. Walau bagaimanapun, kemudahan-kemudahan yang ada di pusat pengajian tinggi tidak digunakan sepenuhnya, khususnya untuk pengajian post graduate. Oleh itu, saya cadangkan supaya pusat-pusat pengajian tinggi menawarkan lebih banyak tempat untuk pengajian post graduate sama ada di peringkat Sarjana ataupun Ph.D. Tidak guna kita membazirkan banyak wang untuk menghantar pelajar-pelajar kita ke luar negeri untuk mengikuti pengajian lanjutan sedangkan kemudahan-kemudahan di pusat pengajian tinggi kita adalah lebih baik daripada di setengah-setengah universiti tersebut. Sudah sampai masanya universiti-universiti utama di Malaysia menumpukan tenaganya untuk mengeluarkan lebih banyak siswazah-siswazah lanjutan.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Bintulu.

6.04 ptg.

**Datuk Amar James Wong Kim Min (Bintulu):** Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya bercakap dalam perbahasan ini saya hendak mengucapkan 'Selamat Tahun Baru' kepada Tuan Yang di-Pertua dan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini pada hari ini. Kita harapkan tahun 1991 akan membawa negara kita ini lebih lagi keselamatan, lebih maju lagi kepada semua rakyat dan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, izinkanlah saya terlebih dahulu mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua atas

lantikan Tan Sri sebagai Speaker Dewan yang mulia ini, oleh kerana ini adalah kali ketiga Tan Sri dilantik memegang jawatan yang mulia ini. Saya percaya ini adalah satu bukti penghargaan dan keyakinan yang jitu yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ke atas Tan Sri sebagai Speaker yang bijak dan tegas (*Tepuk*) dan di bawah pimpinan Tan Sri perdebatan Dewan ini akan berjalan dengan cekap dan lancar.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin juga menyatakan rasa gembira dan bangga kerana saya kembali ke Dewan ini setelah menghilangkan diri selama 16 tahun (*Ketawa*). 16 tahun dahulu saya adalah di pihak Pembangkang dan sebagai Ketua Pembangkang dan pada hari ini saya pula adalah sebagai penyokong Kerajaan. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, inilah membuktikan iaitu dalam politik tiada yang tinggal tetap selama-lamanya, musuh politik hari ini boleh menjadi kawan politik pada masa hari yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya kembali bagi perbincangan mengenai Belanjawan.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Menteri Kewangan yang membentangkan Belanjawan yang seimbang ini. Saya percaya Belanjawan ini akan diterima dengan baik oleh rakyat seluruh negara kita.

Yang Berhormat Menteri Kewangan telah menyatakan dengan tepatnya bahawa ini adalah hadiah kepada rakyat yang telah memilih Barisan Nasional semula untuk menerajui Kerajaan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, ekonomi Malaysia kini semakin baik dan keuntungan yang berbilion-bilion ringgit telah kita terima daripada

penjualan harga minyak. Harga komoditi ini mungkin meningkat adalah hasil dari Krisis Teluk juga. Hasil-hasil eksport semestinya meningkat berlipat-lipat ganda dan pada keseluruhannya keadaan ekonomi Malaysia adalah cerah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada Menteri Kewangan akan pertimbangan dan perhatian beliau kepada orang-orang luar bandar yang melibatkan pekebun-pekebun getah dan lada. Pemberhentian cukai eksport getah dan lada memanglah satu tindakan yang bijak dan bersejarah. Belum ada dalam sejarah Malaysia langkah yang nekad dan berani seperti ini pernah diambil dan saya percaya tindakan cemerlang oleh Menteri Kewangan memang diterima dengan hati terbuka dan gembira oleh rakyat yang mengusahakan getah dan lada di seluruh Malaysia. Inilah satu tindakan yang patut dipuji kerana harga getah dan lada kini sudah merosot.

Tuan Yang di-Pertua, tahun 1990 adalah tahun pelancongan yang sangat berjaya dan tahun 1991 Tahun Melawat Malaysia akan dilanjutkan. Ini akan juga membuktikan tahun kejayaan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab pelancongan diberi tempat terutama bagi ekonomi kita, dari itulah kita sepatutnya memandang ke arah kelemahan-kelemahan dalam bidang pelancongan kita.

Sebagai Menteri Pelancongan Negeri Sarawak, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa bersalah jika saya tidak tekankan di Dewan ini akan betapa pentingnya pelancongan kepada kami di Sarawak. Dalam tahun 1990 kita telah berjaya masuk lebih kurang 6 juta pelancong ke Malaysia yang mana Sarawak hanya dapat bahagian kurang lebih 350,000 dan lebih setengah daripadanya datang dengan laluan darat dari Brunei dan Pontianak.

Tuan Yang di-Pertua, di sini sebagai wakil Kerajaan Negeri Sarawak dan rakyat, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kami kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dan Kerajaan Pusat dan juga kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan kerana telah membenarkan Singapore Airline (SIA) datang ke Sarawak. Saya percaya SIA akan dapat membantu dalam meningkatkan jumlah pelancong-pelancong dari luar, khususnya dari Eropah dan mana-mana yang jauh dan datang ke negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada MAS atas tambahan penerbangan MAS ke Sarawak dalam 2 1/2 tahun yang sudah sebagai memenuhi kehendak rakyat dan dengan demikian menambahkan lagi pelancong-pelancong yang datang ke Sarawak. Saya percaya dan yakin dengan kerjasama antara MAS dan SIA nanti, pelancong-pelancong yang melawat Sarawak akan meningkat dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan hal ini, saya ingin membuat rayuan di sini kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kerajaan Persekutuan untuk memberi keutamaan bagi membesarkan Lapanganterbang Antarabangsa Kuching untuk mendarat kapalterbang 747-400. Seperti yang termaklum pada masa sekarang kebanyakan perkhidmatan kapalterbang awam dalam dunia ini mempunyai kapalterbang yang saiz dan muatannya jenis 747. Kecuali Lapanganterbang Kuching dibesarkan untuk kapalterbang-kapalterbang seperti itu mendarat, Sarawak akan ditinggalkan dan tiada peluang untuk disertakan dalam laluan udara antarabangsa. Lapanganterbang Kuching yang ada sekarang ini hanya boleh mendarat kapalterbang 737, Airbus dan DC10.

Tuan Yang di-Pertua, bahawa kajian pelaksanaan dan kos bagi Lapanganterbang Antarabangsa Kuching untuk kapalterbang 747-400 mendarat telahpun selesai dan ia kini menunggu kelulusan serta pelaksanaan oleh Kerajaan Persekutuan dan saya berharap benar ia akan dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Keenam.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya membaca sedikit laporan rasmi yang diberikan oleh JKR, dalam bahasa Inggeris . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat . . . .

**Datuk Amar James Wong Kim Min:** Boleh, Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, apa yang Yang Berhormat minta tadi?

**Datuk Amar James Wong Kim Min:** Saya minta, Tuan Yang di-Pertua, bercakap dalam bahasa Inggeris sedikit untuk membacakan laporan rasmi daripada JKR.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau hendak baca report, boleh.

**Datuk Amar James Wong Kim Min:** Baca report.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, saya beri izin baca report, boleh.

**Datuk Amar James Wong Kim Min:** Ini report . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukan ucapan.

**Datuk Amar James Wong Kim Min:** Ini report, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, boleh.

**Datuk Amar James Wong Kim Min:**

*Benefits and Justification—*

“As at 1989, the passenger traffic using the Kuching Airport is 1.202 million, including transit passengers. This places Kuching as the third busiest airport in Malaysia. The two other busy airports, namely Subang and Kota Kinabalu, have all been extended years ago to cater for Boeing 747 aircraft. Only Kuching has been left behind. Other less busy airports such as Penang, Kuantan and Johore Bahru have all been proposed for extension under the Sixth Malaysia Plan. In view of this, the State Government has considered it very reasonable to include Kuching for civil extension under the Sixth Malaysia Plan.”

Tuan Yang di-Pertua, Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong dalam Titah Ucapan Baginda kepada Dewan ini pada 4hb Disember, 1990, Baginda telah menekankan betapa pentingnya membina infrastruktur kita, khasnya lapanganterbang dan jalan raya.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap mengenai lapanganterbang, izinkan saya di sini lagi merakamkan supaya lapanganterbang baru dibina di Bintulu kerana saya adalah wakil dari Bintulu (*Ketawa*) dan mengambil kira bahawa Bintulu adalah sebuah pusat industri penting di mana kebanyakan industri-industri besar dipusatkan. Ia juga terletak di tengah-tengah Sarawak. Oleh sebab kian bertambahnya kompleks-kompleks industri di Bintulu, ia adalah satu pusat yang berkembang pesat dan dari itu patutlah mendapat pertimbangan segera oleh Kerajaan Persekutuan untuk lapanganterbang baru yang mampu mendarat sekurang-kurangnya 737.

Bercakap mengenai lapanganterbang lagi, saya ingin menarik perhatian Kerajaan Persekutuan mengenai keperluan lapanganterbang baru juga di Limbang. Sebenarnya, lapanganterbang untuk Limbang telah dirancangan pembinaan dalam awal tahun 1970 dan 1980 tetapi bagaimana ia ditangguhkan. Boleh jadi kerana kemelesetan ekonomi yang lalu tetapi sekarang dengan keadaan ekonomi yang bertambah baik, saya berharap Kerajaan Persekutuan akan memberi perhatian kepada rancangan membina lapanganterbang baru bagi Limbang. Lapanganterbang yang ada sekarang ini hanya landasan yang kecil sahaja. Sangat merbahaya dan sudah memusnahkan dua buah kapalterbang. Landasan kapalterbang di Limbang hanya dapat menampung “Twin Otters. “Saya ingin merayu kepada Kerajaan Persekutuan untuk membesarkan landasan kapalterbang Limbang bagi menampung sekurang-kurangnya Fokker atau 737. Oleh kerana landasan kapalterbang yang ada sekarang ini sangat merbahaya, maka keutamaan mestilah diberi untuk membina yang baru dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bercakap mengenai jambatan dan jalan raya dan ingin merayu kepada Kerajaan Persekutuan supaya menaikkan taraf jalan raya di Sarawak setaraf dengan yang terdapat di Semenanjung Malaysia. Adalah mendukacitakan kami bahawa apa yang dipanggil lebuhraya bukanlah lebuhraya sebenarnya tetapi hanya jalan-jalan kecil biasa. Dan ini menyebabkan Proton Saga yang cantik jikalau dipandu dari Kuching ke Miri akan menjadi hodoh dan uzur. (*Ketawa*) Sesungguhnya pada musim hujan, keadaan jalan bertambah dahsyat dan Proton Saga mungkin tidak dapat meneruskan perjalanan dari Kuching ke Miri.

Penduduk-penduduk Sarawak yang berkunjung ke Semenanjung Malaysia dan menyaksikan lebuhraya-lebuhraya cantik di sini berasa irihati, Tuan Yang di-Pertua, dan soalan-soalan kerap kali

ditanya di Sarawak, mengapalah kami dilupakan begitu teruk dan mengapa semua jalan raya yang cantik-cantik tertumpu di Semenanjung Malaysia sahaja, sedangkan Sarawak terus terbiar. Sekarang ini kita ada mempunyai seorang Menteri Kerja Raya yang berasal dari Sarawak dan berharaplah beliau akan memberi perhatian terhadap pembangunan lebuhraya di Sarawak dengan segeranya dan biar ia setanding dengan yang ada di Semenanjung Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, tiada sebab mengapa Sarawak tertinggal jauh di belakang dalam pembangunan lebuhraya. Kami sepatutnya mempunyai lebuhraya dari Limbang ke Lundu yang setaraf dengan kualiti yang ada di Semenanjung Malaysia. Saya berharap benar agar Ahli Yang Berhormat dari Kanowit yang saya yakin adalah Menteri yang bertanggungjawab akan memastikan ia dilaksanakan dengan segera.

Bercakap mengenai lebuhraya, ini mengingatkan saya akan hal Jambatan Batu Danau di Limbang. Jambatan ini telah dirancang untuk 3 tahun dahulu tetapi hingga sekarang ini tiada apa dibuat. Sebagai gantinya apa yang saya tahu ia telah diganti dengan pertukaran jualan kelapa sawit. Ringkasnya . . . .

**Tuan Geoffrey Yee Ling Fook:**  
(*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat bangun ada apa?

**Tuan Geoffrey Yee Ling Fook:** Tuan Yang di-Pertua, ada seorang Menteri tutup mata atau tidur.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tidak ada di dalam Standing Orders yang tidak boleh tidur. (*Ketawa*) Dia boleh tidur tetapi jangan berdengkur. (*Ketawa*) Ya, sila.

**Datuk Amar James Wong Kim Min:** Tuan Yang di-Pertua, ringkasnya

seperti pertukaran barang yang dirancang, a sort of barter trade arrangement. Tentunya Jambatan Danau tidak akan menanti kelapa sawit untuk membayarkannya. Ini kerana Sarawak mempunyai sumber lain seperti gas dan petroleum dan jenis eksport yang terpenting yang dapat membayar ongkos jambatan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, minta gulung.

**Datuk Amar James Wong Kim Min:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, satu perkara yang hendak saya bincangkan ialah hospital di Bintulu sekarang ini ada kurangnya doktor-doktor dan adalah diminta patut ada satu pakar bedah di sana sebab jikalau ada accident atau kemalangan di sana susah, terpaksa orang luka itu dibawa ke Kuching atau tempat lain. Ertinya jika luka itu serius memanglah orang itu boleh maut.

Satu lagi perkara yang saya akan bincangkan ialah TV3. TV3 sekarang ini di Bintulu tidak ada, Tuan Yang di-Pertua. Ertinya north of Bintulu sekarang ini tidak ada TV3 dan saya mintalah dipertimbangkan TV3 mesti diarahkan patut diadakan di Bintulu dan north of Bintulu.

Berkenaan sekolah dan pendidikan, Tuan Yang di-Pertua, pendidikan di Bintulu sekarang ini, sekolah di sana tidak cukup dan saya mintalah Menteri Pendidikan siasat akan perkara ini dan beri kepentingan.

Jadi, satu perkara yang perlu Tuan Yang di-Pertua, adalah cakap jauh di mata jauh di hati. Saya akan tanya berapakah Ahli-ahli Yang Berhormat di sini pernah melawat ke Sarawak dan Kuching. Jikalau belum pernah melawat sana mana kita tahu kesan atau kelemahan di sana. Jadi, saya minta, Tuan Yang di-Pertua, patutlah semua Ahli Yang Berhormat di sini mesti melawat Sarawak (*Tepuk*), bukan

Kuching sahaja. Jikalau tidak, kita tidak boleh sanggup sebagai M.P. for Malaysia dan Sarawak sedia mengalu-alukan lawatan Ahli-ahli Yang Berhormat ke Sarawak. Di Sarawak ada banyak barang yang menarik, Tuan Yang di-Pertua. Kita ada gua yang terbesar di dunia di Mulu. Kita ada Gua Niah di sana di mana 30,000 tahun dahulu manusia tinggal di sana. Makanan yang lazat pun kita ada seperti Laksa Sarawak, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa sudah cukup.

**Datuk Amar James Wong Kim Min:** Baik, jadi itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bagan Serai.

6.25 ptg.

**Tuan Qamaruzaman bin Haji Ismail (Bagan Serai):** Alhamdulillah. Bismillahir-rahmanir-rahim. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana memberi saya peluang berucap di Dewan yang mulia ini. Saya ini orang 'hanyar'—kata orang-orang di tempat saya yang maknanya orang baru. Jika terdapat salah dan silap atas kata-kata atau melanggar peraturan, tolonglah berikan panduan.

Buat pertama kali saya menjejakan kaki di Dewan yang mulia ini saya telah dikejutkan oleh bunyi loceng Dewan ini yang pada anggapan saya bunyi loceng ini sudah serak, kasar dan kadangkadangkad terasa cemas pula macam ada emergency, dengan izin. Maka dengan peruntukan yang ada pada tahun ini saya mencadangkan supaya loceng baru yang lebih enak didengar dipasang untuk menggantikan loceng yang lama. (Ketawa)

**Tuan Yang di-Pertua:** Kena ada muzik sedikit ke? (Ketawa)

**Tuan Qamaruzaman bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga

mengambil kesempatan di sini untuk menyatakan rasa bersyukur kepada Allah s.w.t kerana dengan iradatNya saya telah dipilih oleh rakyat di kawasan Bagan Serai untuk mewakili mereka di Dewan ini. Di samping itu saya juga mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pucuk pimpinan Barisan Nasional di peringkat negara dan negeri yang telah memberikan keyakinan kepada saya untuk mewakili parti pemerintahan ini . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ada 20 minit, ya. Banyak sangat itu.

**Tuan Qamaruzaman bin Haji Ismail:** . . . di kawasan Bagan Serai, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya meneruskan ucapan saya yang ringkas ini saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua Wakil Rakyat yang telah dipilih ke Dewan yang mulia ini dan juga ucapan Selamat Tahun Baru khas kepada Tan Sri Tuan Yang di-Pertua (Ketawa) dan sekalian Ahli Dewan Rakyat dan juga kepada petugas-petugas dan semua mereka yang boleh mendengar ucapan saya di dalam Dewan ini.

Saya suka mengambil bahagian di dalam perbahasan Belanjawan bagi 1991 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan Malaysia pada 14hb Disember 1990 yang lalu. Saya ingin mengucapkan syabas di atas penyediaan rangka Belanjawan yang begitu teliti dan telah mengambil kira segala kepentingan rakyat semua golongan dan dengan strategi-strategi yang tertentu termasuklah memupuk sebuah masyarakat penyayang. Saya sangat berminat atas Belanjawan ini kerana ia memberi penekanan yang lebih terhadap pembangunan luar bandar.

**Tuan Yang di-Pertua,** kawasan Bagan Serai bolehlah dikatakan keseluruhannya adalah kawasan luar bandar. Di negara kita ini banyak lagi kawasan seperti ini iaitu dengan kemudahan-

kemudahan yang terhad dari segi pembangunan ekonomi, sosial dan infrastruktur. Hasrat Barisan Nasional untuk mengalihkan hala pembangunan ke luar bandar atau dengan lain-lain perkataan memperbandarkan luar bandar sangat-sangatlah dialu-alukan. Saya percaya rakyat di kawasan saya sedang menunggu langkah-langkah Kerajaan ini.

Di kawasan Bagan Serai terdapat satu kampung yang dinamakan Kampung Gunung Semanggol. Di dalam tahun 40an dahulu di sinilah tapak penyemaian semangat memperjuangkan kemerdekaan negara kita dan terus dinyalakan sehingga menggugat Kerajaan British pada masa itu. Saya sendiri pernah dilatih menjadi tentera semut yang dikira sangat berguna di dalam perjuangan menentang penjajah. Di zaman itu kampung ini dikecam dengan kata-kata bahaya dari gunung.

Saya berharap supaya satu langkah positif diambil supaya kampung ini dimajukan sebagai tanda mengenang

budi dan mengenangkan sejarah kemerdekaan negara kita. Kampung ini harus dirancang dan diatur semula agar menjadi satu pusat, satu bandar yang indah. Berdekatan dengan kampung ini pula sudahpun sedia ada tempat yang boleh menjadi kawasan pelancongan iaitu Tasik Bukit Merah—sebuah tasik yang cantik dan mempunyai keistimewaannya kerana ikan kelisa berwarna emas atau, dengan izin, the golden arawana, hanya terdapat di tasik ini di Sungai Kuala Kurau yang mengalir dari tasik ini. Di sini sahaja yang ada di dalam Malaysia. (*Ketawa*) Tuan Yang di-Pertua, harganya sekarang dua inci \$1,000. (*Ketawa*) Kalau berhajat, jumpa saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh sambung lain hari. (*Ketawa*) Bawa ikan kelisa mari pun tidak apa. (*Ketawa*) Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga hari Isnin minggu hadapan.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*